



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2469]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa)
[Ruangan 2496]

Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
(Perbadanan) (Pindaan) [Ruangan 2504]

Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan) [Ruangan 2528]

Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak
Kelapa Sawit (Pemerbadanan) [Ruangan 2529]

Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan) [Ruangan 2537]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 2528]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2551]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pekerja-pekerja Estet [Ruangan 2551]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K., S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y. M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat** Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- " Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN (Kemaman).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**
- „ **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).**
- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).**
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**
- „ **TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).**

Yang Berhormat DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.,
(Kuala Nerus).

- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M.
(Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).

- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 16hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PENAGIH-PENAGIH DADAH

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sebilangan besar penagih-penagih dadah sekarang adalah terdiri dari budak-budak pejabat dalam perkhidmatan Kerajaan, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dinafikan adanya penagih-penagih dadah di kalangan pelayan-pelayan atau budak-budak pejabat dalam perkhidmatan Kerajaan, tetapi mereka tidaklah merupakan sebilangan besar dari penagih-penagih dadah. Mereka yang menjadi penagih dadah ini terdiri daripada berbagai golongan dan sejumlah besarnya terdiri daripada kalangan penganggur dan lain-lain.

Tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan ialah mengikut peruntukan dalam Perintah Am (General Orders) yang baru diluluskan oleh Kerajaan yang saya telah jelaskan beberapa hari dahulu dalam Dewan ini. Pada pendapat saya kalau adalah budak-budak pejabat ataupun pegawai-pegawai dalam jabatan, maka adalah tanggungjawab Ketua Jabatan itu memberitahu kepada pihak yang berkenaan nama-nama penagih-penagih dadah samada budak-budak pejabat atau kakitangan-kakitangan Kerajaan. Barang diingatkan saya fikir bolehlah kita seru kepada mereka itu dalam masa tiga bulan ini mereka bolehlah tampil

kehadapan supaya dapat rawatan dan dalam masa rawatan sekiranya dia terpaksa tinggal di tempat rawatan pemulihan itu dia boleh dapat gaji lagi tetapi selepas daripada itu mereka dalam masa rawatan akan tidak dapat gaji lagi.

PENEROKA-PENEROKA FELDA

2. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar akan suatu hukuman yang dinamakan "Penggantungan Cawan Getah", yang secara tidak langsung bertujuan membiarkan peneroka-peneroka dan keluarga mereka berada dalam keadaan kelaparan dikenakan kepada peneroka-peneroka FELDA.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, apabila peneroka-peneroka memasuki rancangan-rancangan FELDA mereka menandatangani satu Surat Perjanjian di mana antara lain mereka memberi akuan tidak akan menjual getah mereka ke luar rancangan. Di Wilayah Utara (Kedah/Perak/Selangor) sebilangan kecil peneroka-peneroka itu telah melanggar peraturan ini dan mereka telah beberapa kali dinasihatkan untuk memberhentikannya dan menukar corak tetapi mereka tidak mengambil endah kepada nasihat ini. Oleh itu, tindakan menggantung cawan telah dijalankan terhadap mereka dan cawan-cawan diberikan balik apabila mereka membuat ikrar dan akuan akan mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Setakat ini daripada 2,962 orang peneroka, jumlah peneroka yang terlibat dalam kes tatatertib ini hanyalah 68 orang sahaja dan daripada angka 68 orang ini sebanyak 63 orang telahpun membuat ikrar bersetuju mematuhi peraturan. Apa yang FELDA

perluan ialah kerjasama mereka yang berkenaan demi kebaikan sekalian peneroka dan kejayaan rancangan, oleh itu sesuatu tindakan tegas perlulah diambil apabila sesuatu perkara itu boleh menjadi serius. Mereka yang berkenaan itu boleh mendapat cawan getah mereka semula pada bila-bila masa apabila mereka memberi ikrar mematuhi Peraturan FELDA dan tidak akan menjual lagi getah mereka ke luar rancangan.

UBAT "EXPIRED MEDICINES"

3. **Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah ubat di hospital yang telah habis tempoh penggunaannya "expired medicines" disimpan dan dilekatkan label-label yang baru dijual kepada orang ramai walaupun ubat-ubat itu sepatutnya dimusnahkan di bawah pengawasan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, amalan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam itu tidak mungkin berlaku kerana semua ubat-ubat di dalam simpanan yang tamat tempohnya adalah diperiksa oleh Lembaga Pemeriksa yang dilantik oleh Kementerian saya. Sekiranya Lembaga itu mengesyorkan untuk dimusnahkan maka ini dijalankan di bawah pengawasan secara langsung oleh seorang pegawai kanan yang bertanggungjawab yang perlu mengesahkan pemusnahan sedemikian dalam satu sijil penghapusan yang sewajarnya. Namun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan kes yang khusus, Kementerian saya bolehlah menjalankan penyiasatan sewajarnya.

DAGANGAN MALAYSIA DENGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C)

4. **Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kerjasama dagangan dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) memuaskan setakat ini; jika tidak, apakah langkah untuk menarik minat Badan itu membeli banyak barang-barang kita dan nyatakan nilai dagangan dengan Badan itu dan jumlah eksport negara kita tahun 1975.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Ya. Kerjasama dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) adalah memuaskan setakat ini.

Di dalam tahun 1975, dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah berjumlah \$3,866.3 juta. Eksport ke E.E.C. berharga \$2,134.5 juta dan impot pula berjumlah \$1,731.8 juta yang memberikan imbalan yang menguntungkan kepada Malaysia sebanyak \$402.7 juta. Jumlah eksport Malaysia keseluruhannya pada tahun 1975 ialah sebanyak \$9,218.6 juta.

KEBAKARAN CAMPBELL SHOPPING COMPLEX

5. **Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (di bawah S.O. 24 (2))** bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mengenai kebakaran Campbell Shopping Complex;

- (a) apakah yang menyebabkan kebakaran itu melarat sehingga tidak dapat dikawal, adakah pihak bomba Bandaraya kurang cekap, perkakas tidak mencukupi atau ada lain-lain sebab;
- (b) bilakah jawatankuasa mengenai kebakaran bangunan ini dapat membuat keputusannya dan sudah berapa kali-kali diadakan mesyuarat dan keputusan-keputusan; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa semenjak kebakaran bangunan ini berlaku orang-orang yang bekerja di bangunan-bangunan tinggi bimbang kiranya ada kebakaran mereka akan terperangkap dengan sebab kebakaran tidak dapat dikawal sebagai yang berlaku di Komplek ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebab-sebab kebakaran berlaku dan melarat di Komplek Campbell sedang disiasat oleh Jawatankuasa Pencegahan dan Kawalan Kebakaran, di bawah Kementerian saya. Jawatankuasa ini akan menyiapkan laporannya tidak lama lagi.

- (b) Jawatankuasa mengenai kebakaran bangunan Komplek Campbell akan memberi laporannya dalam sedikit masa lagi. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat dua kali semenjak kebakaran itu berlaku, dan sementara itu Jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya juga telah bermesyuarat beberapa kali. Keputusannya akan dimasukkan dalam laporan terakhir Jawatankuasa.
- (c) Kerajaan adalah sedar atas perasaan bimbang pekerja-pekerja di Bangunan-bangunan tinggi dan tindakan sewajar sedang diambil untuk menentukan bahawa bangunan-bangunan tinggi akan menjadi lebih selamat.

REKRUT-REKRUT MENTAH

6. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa rekrut-rekrut mentah untuk peperangan hutan dibenarkan berlatih di tempat-tempat yang penuh dengan gurila-gurila sebagaimana yang dibuktikan baru-baru ini oleh satu peristiwa di Simpang Pulai dan samada terdapat kendala perisik keselamatan ke atas aktiviti-aktiviti pergerakan gurila-gurila.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, semenjak 4hb Februari, 1976 sejumlah 44 laporan telah diterima menunjukkan anasir-anasir kominis dari Kumpulan Min Yuen dilaporkan bergerak di dalam dan di sekitar kawasan Ipoh, dan Gerakan Setia 8 dilancarkan oleh Pasukan Keselamatan pada bulan April, 1976 terhadap anasir-anasir tersebut.

Pada 1hb Jun, 1976 rekrut-rekrut Pasukan Polis Hutan dari Briged Utara yang sudah dilatih sepenuhnya tetapi belum ditauliahkan—nama sahaja rekrut—tetapi sudah terlatih telah mengambil bahagian dalam gerakan ini di samping yunit-yunit Pasukan Keselamatan yang lain. Dan pada 3hb Jun, 1976 Sub-Unit dari Platon Pasukan Polis Hutan tadi semasa membuat tugas mengesan di kawasan Keramat Pulai dalam kawasan Gerakan Setia 8 telah terserempak dengan sebuah kem musuh yang lengkap dengan perlindungan dan dalam masa membuat serangan terhadap kem tersebut 4 anggota Polis kita dari Sub-Yunit tadi telah terbunuh dan serangan tersebut memperolehi kejayaan yang cemerlang dan pihak musuh

diburu keluar dari kedudukannya. Sejumlah besar dokumen-dokumen yang sangat berguna kepada pihak Perisik kita dan makanan, bekalan ubat-ubat, pakaian seragam, bahan-bahan letupan dan beberapa senjata yang ditinggalkan dalam kem tersebut oleh pihak musuh telah ditawan. Marilah kita berdoa supaya roh yang gugur itu diterima Allah di dalam golongan mereka yang sahid dan salleh sambil mengucapkan tahniah kepada pasukan muda ini kerana kejayaannya.

FELDA—KECURIAN BUAH KELAPA SAWIT

7. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar kecurian buah kelapa sawit FELDA di kawasan Jengka Tiga Segi itu satu kerugian besar kepada negara, jika sedar:

- (a) berapakah banyak buah kelapa sawit di kawasan FELDA yang telah dicuri di dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (b) apakah tindakan beliau bagi mengawal berlakunya kecurian seperti itu berlaku lagi pada masa akan datang.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat yang diketahui tiada penjualan buah sawit secara haram berlaku dalam tahun 1974 dan 1975. Perkara ini mula menjadi-jadi dalam tahun ini apabila harga pasaran dunia minyak kelapa sawit jatuh ke paras yang rendah. Jumlah buah sawit yang dijual secara haram sebenarnya tidak dapat dipastikan tetapi apa yang diketahui jumlah peneroka yang terlibat tidaklah besar bilangannya.
- (b) Kakitangan-kakitangan FELDA bersama-sama dengan Ketua-ketua Penceroka dan pihak Polis telah mengadakan rondaan dan sekatan jalan dan beberapa lori yang berkenaan telahpun ditangkap. Pihak Polis pula sedang mengambil tindakan untuk memecahkan sindiket haram yang berkenaan itu. FELDA pula telah menubuhkan Pasukan Kawalan untuk menjalankan rondaan dan sekatan jalan. Kakitangan-kakitangan dan Ketua-ketua

Peneroka juga melibatkan diri masing-masing untuk menasihatkan mereka supaya memberhentikan perbuatan itu kerana apa yang dibuat oleh mereka itu akan merosakkan ekonomi mereka dan juga projek-projek pembangunan Kerajaan. Tindakan yang telah diambil seperti yang disebutkan di atas tadi telah memberi banyak kesan dan bolehlah dikatakan penjualan haram itu telahpun berhenti sekarang ini—jikalau adapun sangatlah berkurangan sekali.

AKTA UNIVERSITI

8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) sejauh manakah kejayaan telah dicapai selepas dikuatkuasakan Akta Universiti;
- (b) adakah benar bahawa setengah-setengah pihak menuduh bahawa Akta tersebut tidak memberi kebebasan dalam kegiatan pelajar-pelajar kita di universiti-universiti dan lain-lain institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini; dan
- (c) memandangkan kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai selepas penguatkuasaan Akta Universiti itu, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan yang serupa bagi pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Tambahan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Universiti dan Kolej Universiti telah mencapai kejayaannya selepas ianya dikuatkuasakan. Peruntukan di dalam Akta itu memelihara hak Universiti sambil mengadakan peruntukan untuk mengawal kegiatan liar di kalangan pelajar-pelajar. Berhubung dengan hal ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga pernah menyatakan di dalam Dewan ini semasa membentangkan Rang Undang-undang Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 pada 14hb April, 1976 mengenai kejayaan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Insya Allah, Akta Universiti dan Kolej Universiti telah berjaya menenteramkan keadaan di Universiti sekurang-kurangnya pada tahun akademik 1975-76. Kegiatan-kegiatan pelajar yang menimbulkan keadaan huru-hara dan demonstrasi-demonstrasi

pelajar yang tidak memberi faedah telah dapat disekat. Hasilnya daripada ketenteraman itu pelajar-pelajar telah dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka dan dengan demikian peratus kelulusan penuntut telah meningkat pada tahun 1975-76 jika dibandingkan kelulusan pada tahun-tahun sebelumnya.

- (b) Tidak benar, Akta tersebut tidaklah menyekat kebebasan pelajar yang wajar. Saya percaya bahawa kegiatan pelajar yang bertujuan baik akan berjalan terus dan yang disekat ialah hanya kegiatan yang tidak baik dan yang tidak mendatangkan faedah.
- (c) Tidak, kerana undang-undang jenis ini tidak dapat dikuatkuasakan di luar negara.

GERAKAN DAKWAH

9. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa pelajar-pelajar di London memasuki gerakan Dakwah yang salah menyebabkan mereka hilang hasrat hendak belajar. Jika benar apakah usaha Kerajaan bagi membetulkan perkara ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar kita yang melibatkan diri dalam gerakan dakwah di United Kingdom tidaklah besar bilangannya dan dianggarkan jumlah dalam lingkungan 15% dari jumlah 3,000 pelajar yang belajar dengan biasiswa Kerajaan dan MARA.

Di antara yang melibatkan diri dalam gerakan dakwah itu memang ada yang menimbulkan masalah seperti hilang hasrat hendak belajar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, tetapi bilangannya amat kecil iaitu kurang daripada 10 orang. Mereka ini, mengikut laporan rombongan yang menghadiri Pesta Islam Sedunia di London baru-baru ini, mungkin ada masalah peribadi yang lain sebagai sebab pokok yang membawa mereka mencari Ujama sebagai jalan penyelesaian atau pelarian dari kegelisahan yang mereka hadapi.

Walau bagaimanapun, Dakwah Islam di kalangan pelajar kita di London itu pada umumnya adalah membawa kepada kebaikan akhlak pelajar-pelajar itu.

Untuk mengatasi masalah kemelutuan ini pihak Kementerian Pelajaran telah membentuk sebuah jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Bimbingan Agama di Yayasan Pelajaran Tinggi. Jawatankuasa ini dipengerusi oleh Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor, Ketua Pengarah Pelajaran dan dianggotai oleh beberapa orang kaum intelek dan ahli agama. Tugas Jawatankuasa ini ialah mengkaji dan mengemukakan cadangan yang konkrit kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Jawatankuasa ini telah selesai mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya dan sekarang dalam peringkat menyediakan laporan.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berfikir bahawa menjadi satu kesalahan penuntut-penuntut yang di London itu membuat dakwah Islam ataupun bertentangan dengan perjanjian atau dengan Akta Pelajaran.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Oleh kerana ini cuma satu gerakan menimbulkan dakwah ini. Cara gerakan ini barangkali ada banyak, tetapi tokoh-tokohnya tidak banyak. Gerakan ini semua orang ikut sahaja. Hakikatnya oleh kerana sebagaimana dalam jawapan saya tadi barangkali orang-orang yang betul-betul terlibat sedikit sahaja. Oleh sebab itulah, Kementerian Pelajaran telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji sedalam-dalamnya dan memberikan satu laporan kepada Yang Berhormat Menteri supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Pada hari ini kita pun tidak tahu tentang gerakan ini. Akan tetapi barangkali ada seperti saya sebut dalam jawapan saya tadi penuntut-penuntut kita barangkali ada soal peribadi menghilangkan hasrat pelajaran ada sedikit bilangan mereka ini. Jadi sebagai saya katakan tadi secara umum perkara gerakan ini cuma banyak pengikutnya sahaja, tidak tahu maksud atau sebabnya. Kita akan berbincang dan menyiasat atas perkara ini dengan dalamnya.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak menjadi salah seseorang penuntut di London membuat dakwah pergi mesjid memakai jubah, pakai serban, apakah yang menyebabkan Kerajaan kita menjadi susah hati kepada mereka. Pada hal mereka menuntut ilmu di London. Tetapi dia cuma

memberatkan agama. Apakah itu tidak boleh atau menjadi satu perkara ganjil kepada Kerajaan Malaysia atau Kementerian Pelajaran yang menyebabkan kita menjadi heboh sekarang.

Tuan Chan Siang Sun. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya perkara ini ada heboh sedikit dalam suratkhbar satu masa dahulu mengatakan perkara ini tidak benar. Kalau tidak silap saya ada dua tokoh wanita di negara kita mengatakan perkara itu tidak berapa benar. Oleh sebab itulah, kita menubuhkan Jawatankuasa ini untuk memeriksa dengan sedalam-dalamnya. Tetapi satu perkara yang saya suka hendak mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu soal ini ibubapa sendiri mengambil perhatian berat sedikit untuk menjaga anak-anak mereka supaya jangan melibatkan diri dalam perbuatan itu atau perkara-perkara lain yang boleh menjatuhkan imej negara kita.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mereka yang berada di London sedang bercuti sekarang ini, tetapi ibubapa mereka berasa curiga di atas penerimaan dakwah di London itu. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengumpulkan mereka untuk memberi penerangan-penerangan agama kepada mereka dengan lebih dalam lagi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi. Saya ingat hal ini sensitif sedikit. Saya tidak ingin menjawabnya (*Ketawa*).

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

10. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau akan mengeluarkan arahan kepada semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri supaya jangan menyertai di dalam rancangan-rancangan perumahan yang hanya akan menguntungkan golongan-golongan berpendapatan tengah dan mendatangkan keuntungan kepadanya (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) dan juga syarikat-syarikat swasta yang mempergunakan P.K.E.N. tetapi menumpukan usaha ke atas perumahan awam untuk mereka yang

miskin supaya dapat membantu menyumbangkan kepada keperluan perumahan oleh rakyat yang miskin terutamanya rakyat Melayu miskin di bandar-bandar.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yacob): Tuan Yang di Pertua, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah agensi-agensi negeri yang melaksanakan berbagai-bagai kegiatan ekonomi diperingkat negeri. Antara kegiatan mereka termasuklah pembinaan rumah-rumah. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membina banyak rumah-rumah murah untuk mereka yang berpendapatan rendah. Ini adalah jelas dilihat dari peruntukan yang bertambah yang telah dikhaskan bagi perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi melaksanakan dasar ini Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah satu-satunya agensi yang telah ditugaskan untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah murah.

Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di samping dikehendaki menjalankan kegiatan-kegiatan yang memberi faedah sosial, juga diharapkan dapat berdiri sendiri dari segi kewangan untuk membolehkan mereka melaksanakan projek-projek yang lain. Berkaitan dengan ini tidaklah wajar sekiranya 100% aktiviti pembinaan rumah P.K.E.N.-P.K.E.N. dihadkan kepada pembinaan rumah-rumah murah sahaja. P.K.E.N.-P.K.E.N. perlu juga menyertai projek-projek perumahan yang lain mengikut keadaan sekeliling serta permintaan yang ada yang mungkin tidak dapat dipenuhi oleh pihak swasta. Sebarang keuntungan dari projek-projek perumahan itu akan dapat menampung dan mengurangkan harga-harga belian rumah-rumah murah.

UNIVERSITI HOSPITAL

11. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang pengaduan-pengaduan oleh orang-ramai, seperti tidak menjaga atau menanggukkan hari pemeriksaan dan hari masuk hospital tanpa diberitahu terlebih dahulu kepada pesakit-pesakit dan juga layanan kasar oleh kakitangan hospital terhadap penderma-penderma darah menunggu berjam-jam, nyatakan tindakan segera yang telah diambil oleh Kementeriananya untuk menjaga perhubungan rapat antara Universiti Hospital dan orang ramai.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di Pertua, Pentadbir Hospital Universiti telah menasihatkan sebagai berikut:

- (1) Pihak Pentadbiran Hospital ada menerima aduan-aduan dari semasa ke semasa. Semua aduan itu diselidiki dan tindakan yang sewajar diambil, di mana perlu.
- (2) Apabila terdapat penetapan (appointment) yang terpaksa ditangguhkan oleh pihak Hospital, pesakit-pesakit adalah diberitahu melalui surat mengenai penangguhan tersebut. Jika penetapan telah diberi dan tidak dapat ditepati oleh seseorang doktor, aturan-aturan adalah dibuat supaya pesakit berkenaan dirawat oleh doktor lain. Tetapi melalui pengalaman Hospital sendiri, dalam kebanyakan kes, pesakit-pesakit lebih suka bertanggung dan datang lagi berjumpa dengan doktor yang pertama. Ada beberapa kejadian di mana surat-surat pemberitahuan penangguhan tidak sampai ke tangan pesakit kerana alamat yang tidak lengkap atau alamat yang salah diberikan oleh pesakit-pesakit itu sendiri.
- (3) Penderma-penderma darah tidak pernah menunggu beberapa jam sebagaimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mereka diberi sambutan baik di pejabat Tabung Darah dan diuruskan dengan seberapa segera yang boleh. Setelah darah mereka diambil, penderma-penderma diberi minuman seperti "Guinness Stout is good for you" atau essence of chicken atau Milo, Ovaltine dan nasihat dari segi perubatan di mana perlu.
- (4) Rancangan latihan dalam perkhidmatan sering diadakan oleh pihak Pentadbiran Hospital untuk melatih kakitangan-kakitangan mengenai perhubungan awam.
- (5) Kotak-kotak cadangan adalah juga disediakan untuk pesakit-pesakit mengemukakan cadangan-cadangan atau aduan-aduan secara bertulis. Di samping itu, jika berlaku sesuatu yang kasar, atau tidak baik, Yang Berhormat Menteri berharap lapuran segera dibuat, untuk siasatan dan tindakan yang wajar akan diambil.

KAWALAN PENCEMARAN

i2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek yang diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah pencemaran dalam berbagai bentuk di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat meliputi bidang yang amat luas. Oleh kerana itu, tidak mungkin bagi saya menerangkan butir-butir program yang sedang dirancang, melainkan menyatakan perkara-perkara penting sahaja.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum, bahawa program tindakan untuk kawalan pencemaran memerlukan satu pendekatan yang luas dan seimbang yang akan dicapai melalui satu pengurusan alam sekitar yang sistematis dalam mana langkah-langkah kawalan pencemaran menjadi usaha utama dan asas. Berkaitan dengan ini, Kementerian saya sedang merangkakan suatu program jangkamasa panjang (Rancangan Lima Tahun Alam Sekitar) yang akan mengandungi beberapa langkah-langkah pencegahan dan pemulihan.

Langkah-langkah ini akan ditujukan ke atas pembuangan pelepasan ke udara, air dan laut. Dalam hal ini, perkara yang asas bersangkutan dengan alam sekitar seperti penempatan perusahaan-perusahaan perlindungan alam dan penggunaan tanah mestilah dikaji dengan teliti.

Di bawah rancangan ini, kajian pengawasan secara berterusan hendaklah dilakukan untuk menilai keluasan sebenarnya masalah pencemaran dan serta punca-puncunya. Di dalam rangkakerja yang luas ini, kajian-kajian akan dilaksanakan ke atas perusahaan pertanian dan akan diluaskan untuk meliputi perindustrian. Selanjutnya ialah penguatkuasaan standad-standad dan perautran-peraturan kawalan yang lain akan dikenakan ke atas semua pembuangan-pembuangan yang mencemarkan yang akan dilaksanakan melalui kegiatan pelesenan. Tindakan ini akan memerlukan suatu program pengawasan yang luas untuk menjamin kilang-kilang ini patuh kepada syarat-syarat tersebut.

Selain daripada ini juga, suatu program bagi mengawal dan mencegah pencemaran

laut akan juga diberi perhatian yang berat oleh Kementerian saya. Suatu rancangan Kontinjensi bagi Mengawal dan Mencegah Tumpahan Minyak di Selat Melaka telahpun disediakan oleh Kementerian saya yang mana telahpun diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini.

Mengenai langkah-langkah sementara, Kementerian saya sedang menumpukan perhatian ke atas soal-soal yang melibatkan kesihatan penduduk dan kualiti alam sekitar. Untuk usaha ini Kementerian saya telah memilih beberapa kawasan penting seperti Batu Caves, Juru dan sebagainya bertujuan untuk mengurangkan masalah pencemaran di kawasan-kawasan ini. Walau bagaimanapun sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bahagian ini baru saja menerima pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan teknikal. Ini tentu sekali berkehendakkan beberapa waktu sebelum program-program tersebut dapat dilancarkan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. Samy Vellu.

(Soalan No. 13. Y.B. Tuan S. Samy Vellu tidak hadir)

RAMPASAN ATAS BARANG-BARANG SELUDUP

14. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa pegawai-pegawai kastam yang merampas barang-barang seludupan diberi hadiah wang tunai berdasarkan nilai barang-barang yang dirampas itu dan jika ya, samada anggota-anggota polis dan angkatan tentera juga berhak menerima hadiah seperti ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pegawai-pegawai Kastam diberikan hadiah sekiranya mereka membuat rampasan di atas barang-barang yang diseludupi. Pemberian hadiah ini adalah dibuat mengikut:

- (1) Seksyen 141 Akta Kastam 62/67;
- (2) Seksyen 83A Akta Eksais 34/61; dan
- (3) Seksyen 42 (A) Ordinan Dadah Berbahaya 30/52.

Hadiah ini adalah dibayar daripada suatu peruntukan khas dan diberikan berdasarkan kepada inisiatif, siasatan dan jenis tindakan

yang dilakukan. Sungguhpun hadiah ini dihaskan untuk pegawai-pegawai kastam, akan tetapi Jabatan Kastam ada peruntukan untuk hadiah kepada anggota-anggota polis, angkatan tentera dan lain-lain agensi-agensi Kerajaan yang turut mengambil bahagian di dalam sesuatu kes atau tindakan Kastam. Tetapi hadiah ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

LAPURAN BADAN BERTUGAS PEKERJA-PEKERJA LADANG DAN LOMBONG

15. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah beliau dapat mengumumkan Laporan Badan Bertugas Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong (Task Force) yang telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan majikan-majikan dan Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan projek-projek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Laporan Badan Bertugas Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah untuk Kerajaan sahaja dan laporan ini telahpun dikemukakan seperti yang dikehendaki pada tahun 1975. Yang demikian, soal mengumumkan laporan tersebut kepada pengetahuan umum tidaklah timbul. Walau bagaimanapun, butir-butir mengenai laporan ini dan perakuan-perakuan dalam laporan ini telah pun diumumkan kepada ramai.

Banyak di antara perakuan-perakuan yang terkandung di dalam laporan itu sedang dilaksanakan, terutama sekali yang berkaitan dengan sekim pemilikan perumahan bagi pekerja-pekerja Lombong dan Ladang. Kerajaan telahpun menubuhkan satu Tabung Pusingan sebanyak \$10 juta bagi sekim perumahan termasuk sekim-sekim pemilikan rumah yang terkandung di dalam laporan tersebut. Beberapa sekim sedang dilancarkan di negeri-negeri seperti di Ladang Sengkang di Port Dickson, Negri Sembilan, di Ladang

Bukit Paloh dan Ladang Kulai di Johor, Ladang Bukit Perakak di Kedah, Ladang-ladang Tennamaram, Seafeld, Batu Arang dan Bukit Belimbing di Negeri Selangor, serta Lombong-lombong seperti Sungai Way Tin Dredging dan Petaling Tin Dredging. Kami harap pengumuman akan dapat dibuat apabila sekim-sekim ini dilancarkan kelak.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa di dalam persidangan Parlimen yang lampau iaitu pada 2hb. April, 1975 ada Setiausaha Parlimen yang sebelum beliau, mengumumkan di dalam Dewan ini ada terkandung di dalam Penyata Rasmi Parlimen muka 3789 bahawa Kementerian yang berkenaan boleh menerangkan kandungan Laporan Badan Bertugas Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong (Task Force) itu di dalam Parlimen yang akan datang iaitu pada hari ini. Jika begitu, mengapa maka Setiausaha Parlimen sekarang ini mengatakan bahawa laporan itu hanya untuk Kerajaan sahaja.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak ada apa jua halangan untuk mengumumkan laporan itu, sebab laporan itu ada di tangan semua negeri-negeri di Malaysia Barat dan juga dengan pihak majikan-majikan dan lain-lain. Perakuan-perakuan yang dibuat di dalam laporan itu adalah ditumpukan kepada Kerajaan Negeri dan juga kepada majikan-majikan. Jika Yang Berhormat hendak lihat satu naskah laporan itu kami boleh dengan sukacitanya memberi satu naskah kepada beliau.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh saya janji itu adalah janji. Dan apa yang dikatakan oleh beliau ialah naskah itu akan dapat diodarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk pengetahuan kami. Dengan itu bolehkah Kementerian yang berkenaan memberi naskah itu kepada tiap-tiap Ahli, bukan hanya kepada saya seorang.

Tuan K. Pathmanaban: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

KOMPOSISI JAWATANKUASA KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

16. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan apakah definisi Kebudayaan Kebangsaan dan jua nyatakan:

- (a) samada kebudayaan orang-orang Iban, Kadazan, India dan China dianggap sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Kebangsaan, jika tidak mengapa;
- (b) samada beliau sedar orang-orang keturunan Iban, Kadazan, India dan China tidak puashati dengan komposisi Jawatankuasa Kebudayaan Kebangsaan, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini;
- (c) mengapa komposisi Jawatankuasa Kebudayaan Kebangsaan tidak mencerminkan komposisi rakyat yang berbilang kaum di negeri ini; dan
- (d) samada Kerajaan berminat menambatkan bilangan anggota-anggota Jawatankuasa Kebudayaan Negara dengan melantikkan wakil-wakil yang berpelajaran Bahasa China dan Tamil.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Malaysia, Kebudayaan Kebangsaan adalah suatu pengolahan kebudayaan yang benar-benar mencerminkan keperibadian Malaysia, yang boleh diamalkan oleh semua golongan dan lapisan rakyat dan yang dapat mengatasi semua sub-culture dan kebudayaan sukan.

- (a) Pembentukan satu Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berdasarkan tiga prinsip tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 dan telah diterima oleh Kerajaan.
 - (i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berteraskan Kebudayaan rakyat asal rantau ini.
 - (ii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan; dan
 - (iii) Unsur-unsur Kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Memahami ketiga-tiga prinsip itu, maka dengan sendirinya kita dapat menjawab soalan tersebut.

Mengenai soalan (b), (c), (d): Tidak ada badan apa yang dinamakan Jawatankuasa Kebudayaan Kebangsaan telah terbentuk di negeri ini, oleh itu jawapan (b) (c) dan (d) itu tidak berbangkit.

RUMAH MURAH BAGI SETINGGAN-SETINGGAN

17. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Dewan Bandaraya mempunyai rancangan jangka panjang untuk menempatkan setinggan-setinggan di rancangan rumah murah yang dibina oleh pihak Dewan Bandaraya apabila kawasan-kawasan setinggan dimajukan oleh pihak pemaju swasta; jika ya, berikan butir-butir, jika tidak, kenapa.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah Negara sekarang ini sedang mengkaji masalah setinggan yang menyeluruhnya termasuk setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya memanglah mempunyai rancangan untuk mengurangkan bilangan rumah-rumah setinggan di Bandaraya Kuala Lumpur kerana rumah-rumah setinggan adalah merupakan perkembangan yang tidak sesuai dengan mana-mana bandaraya yang moden. Buat permulaan Dewan Bandaraya adalah memberi keutamaan untuk memindahkan setinggan-setinggan di kawasan tanah Kerajaan yang terlibat dengan projek Kerajaan di rancangan rumah murah supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Untuk setinggan-setinggan yang berada di atas tanah persendirian yang hendak dimajukan oleh pemaju swasta tanggungjawab untuk menempatkan semula setinggan adalah tanggungjawab pemaju berkenaan.

JALANRAYA LEKOK-LEKOK

18. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa jalanraya di seluruh negara didapati lekok-lekok dan berlubang terutama di sepanjang Federal Highway.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar terdapatnya lekok-lekok dan lubang-lubang di setengah-setengah jalanraya di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dewasa ini di negara kita Semenanjung Malaysia sahaja terdapat hampir-hampir 11,000 batu panjang jalanraya Persekutuan dan Negeri. Oleh itu, saya tidak dapat menafikan sungguhpun kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan yang berlubang-lubang ataupun meluruskan lekok-lekok ini sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa masih terdapat lagi lopak-lopak dan lekok-lekok di sana sini. Di bawah penyelenggaraan jalan-jalan keutamaan telah diberikan kepada menutup lopak-lopak di atas jalan ini. Dalam hubungan ini saya suka memaklumkan bahawa sebuah firma perunding telah dipanggil untuk menjalankan kajian khusus mengenai penyelenggaraan jalanraya-jalanraya di negara ini dan cara-cara bagaimana jalanraya di negara kita ini dapat dijagai dengan lebih baik lagi daripada masa-masa yang telah lalu.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut daripada pengalaman dalam tahun-tahun yang sudah bahawa Kerajaan Negeri atau Jabatan-jabatan Negeri tidak ada mempunyai cukup peruntukan bagi penyelenggaraan jalan-jalan yang rosak seperti yang dikatakan. Oleh yang demikian, adakah Kementerian dapat membantu dan menambah peruntukan yang lebih banyak lagi pada masa akan datang.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu baru-baru ini kita telahpun menambahkan bantuan penyelenggaraan ini daripada \$4,500 kepada \$5,000 sebatu dan pada waktu ini kita anggap peruntukan ini adalah memadai.

PUSAT MEMASAR PERTANIAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan samada pusat-pusat memasar dan memproses hasil-hasil pertanian dapat diadakan di Pasir Mas supaya petani-petani boleh mendapat harga-harga yang lebih baik bagi barang-barang mereka.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya nyatakan bahawa pusat memproses hasil-hasil pertanian di Pasir Mas ini sedang dalam pembinaan. Insya Allah, akan dimulakan segala aktivitinya dalam bulan hadapan.

BEKALAN LETRIK DI KAMPUNG TANJONG BELANJA

20. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rala minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah bekalan letrik akan diadakan di Kampung Tanjong Belanja Parit dan kampung-kampung sekitarnya memandangkan pertanyaan ini telah berkali-kali dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pertanyaan ini telah berkali-kali dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat bahawa oleh kerana 1/3 daripada jumlah kos projek bekalan letrik luar bandar ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri, Kementerian saya telah meminta Kerajaan Negeri yang berkenaan menimbangkan untuk memasukkan kawasan tersebut sebagai salah satu di antara projek-projek bekalan letrik di luar bandar yang hendak dilaksanakan. Pendek kata, sehingga Kerajaan Negeri menyokongnya, Kementerian saya tidak dapat membuat apa-apa pun di atas permohonan ini. Jika diizinkan saya suka hendak mencadangkan sekiranya Yang Berhormat sendiri akan menggunakan jasa baik Yang Berhormat memujuk Kerajaan Negeri supaya memasukkan kawasan ini ke dalam rancangan bekalan letrik luar bandar bagi negeri tersebut.

PERDAGANGAN DENGAN RHODESIA

21. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada negara kita telahpun mengambil tindakan yang berkesan bagi memulaukan perdagangan dengan Rhodesia untuk menolong rakyat Afrika di Rhodesia mencapai pemerintahan majoriti di Rhodesia.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan (resolusi) 253 (1968) Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Rhodesia Selatan, Kerajaan telah mengenakan sekatan perdagangan yang menyeluruh terhadap Rhodesia Selatan. Sekatan perdagangan ini adalah berkuatkuasa di bawah Arahan-arahan Kastam, 1969.

Arahan-arahan Kastam (Tegahan Impot) (Rhodesia Selatan) 1969, (P.U. (A) 426/23-10-69) menegah sama sekali pengimpotan daripada Rhodesia Selatan atau mana-mana tanah jajahan yang diperintah olehnya atau apa-apa pengimpotan yang disyakki berasal daripada tempat-tempat tersebut. Di bawah Arahan Kastam (Tegahan Eksepot) Rhodesia Selatan 1969, (P.U. (A) 462/16-11-69) eksepot ke Rhodesia Selatan atau kawasan-kawasan yang diperintah olehnya adalah ditegah sama sekali.

JAMBATAN DI BATU 44, KUALA LUMPUR/TANJONG MALIM

22. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithain (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa lantai sebuah jambatan berdekatan dengan batu 44 Jalan Kuala Lumpur/Tanjong Malim masih dibuat daripada papan dan pagarnya hampir hendak roboh, dan jika ya, bilakah jambatan ini akan diperbaiki oleh Kerajaan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar jambatan di batu 44 Kelumpang, Jalan Kuala Lumpur/Tanjong Malim dalam keadaan yang uzur. Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa tindakan sedang diambil untuk menggantikan jambatan tersebut. Pada masa ini reka-bentuk jambatan yang baru telah siap dan tawaran akan dipanggil tidak lama lagi.

PERBADANAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN SEBERANG PERAK

23. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau ber-cadang hendak menubuhkan sebuah Perbadanan Kemajuan Pembangunan Seberang Perak. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sebuah Syarikat Perunding diminta membuat kajian secara komprehensif meliputi kawasan Seberang Perak dengan tujuan untuk mengetahui jenis-jenis projek pembangunan yang sesuai untuk dimajukan di Walayah itu. Pihak Perunding itu telah hampir menyiapkan kajiannya dan akan mengemukakan Lapuran Akhirnya kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

Oleh kerana kajian itu belum selesai lagi Kerajaan belum lagi boleh menimbangkan kemungkinan menubuhkan suatu agensi pembangunan bagi Wilayah Seberang Perak.

INSURGEN-INSURGEN DI SEMPADAN MALAYSIA—THAI/JOHOR

24. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar atau tidak insurgen-insurgen bukan sahaja menjalankan aktiviti-aktiviti mereka daripada tempat-tempat perlindungan di sepanjang sempadan Malaysia-Thai tetapi juga daripada beberapa kem-kem hutan yang terentang sehingga ke Johor.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal yang bermaksud sama sudahpun saya jawab pada 14hb Julai, dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

HOSPITAL BARU DI SIBU

25. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa pembinaan sebuah bangunan hospital yang baru di Sibu akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, samada kerja-kerja pembinaannya akan bermula dalam tahun ini, dan jika tidak, nyatakan bila.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kawasan hospital di Sibu adalah terlalu sempit dan wad pembedahannya perlu diperluaskan lagi. Kementerian saya telah bersetuju untuk memperbesarkan lagi wad pembedahan ini pada masa akan datang untuk mengatasi masaalah yang dihadapi sementara menanti pembinaan

hospital yang baru di Sibul. Tapak tanah telah didapati dan Kementerian ini sekarang sedang menjalankan proses pengambilan tanah. Apabila kerja-kerja ini telah selesai kelak, butir-butir lengkap perancangannya akan dimulakan.

L.L.N.—BEKALAN LETRIK RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

26. Tuan Embong bin Yahya (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada rancangan pembahagian Lembaga Letrik Negara boleh mencukupi kehendak-kehendak Rancangan-rancangan Malaysia Ketiga. Sila beri butir-butir yang lengkap mengenai persediaan L.L.N. menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa L.L.N. telah membuat rancangan yang lengkap untuk menghadapi pembangunan kuasa letrik di Semenanjung Malaysia untuk menampung perkembangan pesat yang diramalkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan L.L.N. bukan sahaja bertujuan hendak menambahkan bekalan yang sedia ada di kawasan yang sedang membangun tetapi juga untuk mengadakan bekalan yang baru di kawasan yang akan dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Rangkaian talian penghantaran L.L.N. yang ada sekarang merentang dari Perlis ke Johor Bahru dan telahpun disambungkan ke Kuantan di Pantai Timur meliputi sebahagian besar di Semenanjung Malaysia. Rangkaian penghantaran itu dibekalkan oleh beberapa stesyen janaletrik haba dan hidro.

L.L.N. juga mempunyai beberapa stesyen janaletrik disel untuk memberi khidmat kepada kawasan yang terletak di luar lingkungan rangkaian penghantaran yang ada sekarang. Rancangan-rancangan pembangunan L.L.N. untuk menghadapi keperluan kuasa letrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga termasuklah:

- (1) Penambahan loji-loji pembinaan kuasa yang bermuatan tinggi di Port Dickson, Temenggor, Prai dan Pasir Gudang.
- (2) Tambahan dan sambungan rangkaian-rangkaian penghantaran dan peng-

(3) Penambahan loji dan stesyen janaletrik disel yang ada sekarang dan pembinaan stesyen janaletrik disel yang baru untuk membekalkan rancangan pembangunan daerah yang tidak termasuk dalam lingkungan rangkaian penghantaran.

(4) Rancangan bekalan letrik luar bandar yang lebih luas.

Kementerian ingin menarik perhatian Dewan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, keupayaan penjanaan kuasa di Semenanjung Malaysia dijangka akan bertambah dua kali ganda dari keupayaan sekarang. Sebagai kesimpulan Kementerian ini puas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh L.L.N. untuk menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga.

MARA—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

27. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan dan jumlah pinjaman yang diberikan oleh MARA kepada Bumiputra luar bandar ke arah penyertaan mereka dalam bidang perniagaan, dan nyatakan juga mengapa pinjaman kepada Bumiputra luar bandar amat sukar diluluskan, dan bagaimana Menteri berkenaan dapat mengatasi perkara ini.

Datuk Haji Mohamed bin Yuscob: Tuan Yang di-Pertua, semenjak rancangan pinjaman RIDA/MARA dimulakan bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut: Jumlah terkumpul pada akhir bulan April 1976 adalah 43,700 pinjaman, bernilai \$182.6 juta. Dari jumlah ini lebih kurang 90% telah dikeluarkan kepada bumiputra di luar bandar. Adalah tidak benar pinjaman kepada bumiputra di luar bandar sukar diluluskan. Tiap-tiap permohonan terpaksa disiasat dengan teliti serta bergantung kepada kebolehan pemohon memberikan butir-butir yang lengkap serta mengadakan syarat-syarat yang diperlukan dalam tempoh masa yang diberikan. Dalam keadaan biasa di mana pemohon dapat memberi butir-butir lengkap dan memenuhi syarat-syarat pinjaman MARA dari awal lagi, permohonan itu dapat diproses dan diluluskan dalam masa yang tidak lebih dari dua bulan.

AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

28. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan membuat perubahan kepada Akta Perhubungan Perusahaan supaya majikan terpaksa mengiktirafkan dengan cara automatik mana-mana kesatuan sekerja yang telah dengan rasminya diakui oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja, bagi mengelakkan penindasan oleh majikan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dalam kontek Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, yang berkuatkuasa sekarang, pengiktirafan secara automatik telahpun dimasukkan di dalam Undang-undang itu. Di mana seseorang majikan itu enggan memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja yang sesuai untuk mewakili pekerja-pekerja di syarikatnya, Menteri boleh membuat keputusan dengan perintah, supaya pengiktirafan diberi kepada kesatuan sekerja itu. Dengan perintah ini, pengiktirafan tersebut dianggap telah diberi oleh pihak majikan. (It is deemed that the trade union is recognised). Yang demikian, tidak perlulah Undang-undang tersebut dipinda.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar apa yang disebutkan oleh beliau tadi tidaklah tepat, oleh sebab walaupun satu kesatuan sekerja diakui oleh Pendaftar Pertubuhan tetapi masih tidak diakui oleh majikan dan malahan apabila majikan sedar pekerja hendak menubuhkan kesatuan sekerja mereka diugut oleh majikan dan dibuang kerja. Oleh itu, sekiranya satu kesatuan sekerja telah diakui oleh Pendaftar Pertubuhan secara automatik bolehkah diakui oleh majikan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya? Saya tak boleh faham soalnya, cuma dengar cerita sahaja. Takpayah cerita panjang. Soalnya adakah patut majikan dengan automatik mengakui? Pendekkan soalan, tak perlu panjang.

Dr Tan Chee Khoon: Ya.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti saya katakan tadi pengiktirafan Kesatuan Sekerja sekarang

adalah secara automatik. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli dari Kepong dengan perkataan automatik saya tak faham sebetulnya. Oleh sebab dalam beberapa tuntutan yang dibuat oleh kesatuan sekerja kepada majikan, selepas disiasat oleh Pendaftar telahpun kita dapati bahawa ada di antara mereka yang tidak mempunyai seorang ahli pun atau tidak sebenarnya mewakili pekerja dalam syarikat itu, iaitu mempunyai 50% atau lebih daripada pekerja berkenaan sebagai ahlinya. Jika Ahli Yang Berhormat itu maksudkan bahawa semua kesatuan sekerja, tidak kira beberapa orang ahlinya, mesti juga diakui oleh majikan selepas sahaja membuat permohonan kepada Pendaftar, mungkin keadaan yang tidak diinginkan akan timbul.

Dr Tan Chee Khoon: Saya memang sedar, Tuan Yang di-Pertua, dan bersetuju sebelum Pendaftar Kesatuan Sekerja mengiktiraf sesuatu kesatuan sekerja, Pendaftar mesti siasat dengan teliti samada kesatuan itu ada mempunyai lebih daripada 50% pekerja menjadi anggota dan selepas itu pendaftar boleh mengiktiraf atau mengakui kesatuan itu. Dan selepas itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya majikan dengan secara automatik patut mengakui kesatuan sekerja berkenaan, tetapi apa yang berlaku sekarang saya dapati majikan berkehendakkan pekerja membuktikan mereka ada mempunyai lebih daripada 50% pekerja menjadi anggota kesatuan. Ini menjadikan gangguan dan menaikkan perasaan yang tidak baik antara pekerja dan majikan. Adakah perkara ini disedari?

Tuan Yang di-Pertua: Macam Yang Berhormat seorang doktor, takkan hendak beri ubat kalau tak tahu apa penyakit itu dahulu. Tentulah hendak bukti dahulu bukan?

Dr Tan Chee Khoon: Buktinya telah diberikan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dan bukan kepada majikan.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput, Setiausaha Parlimen hendak jawabkah atau tidak.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong terkeliru. Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak membuat apa jua pengiktirafan sesebuah Trade Union itu untuk maksud collective bargaining. Pendaftar Kesatuan

Sekerja hanya mendaftarkan Kesatuan Sekerja mengikut Undang-undang Kesatuan Sekerja itu dan selepas itu terpulanglah kepada Kesatuan Sekerja itu membuat claim kepada syarikat-syarikat yang berkenaan mengenai pengiktirafannya sebagai wakil pekerja-pekerja dalam perusahaan itu.

Sebagai satu example, National Union of Commercial Workers (N.U.C.W.) jika didaftarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja bukan untuk satu syarikat atau untuk satu firma sahaja. Pekerja-pekerja beribu-ribu firma boleh diwakili oleh National Union of Commercial Workers. Takkan Pendaftar Kesatuan Sekerja kita pergi ke semua syarikat itu cari mana satu pekerja hendak masuk kesatuan itu dan lain-lain sebelum mendaftarkan N.U.C.W. itu. Itu bukan kerja Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham padanlah itu.

PELAJAR-PELAJAR DI LUAR NEGERI

29. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan lain-lain badan berkanun bagi pelajaran menengah di Britain, Australia dan lain-lain negara.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini simple sedikit, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun tidak ada membiayai pelajar-pelajar untuk pelajaran menengah di luar negeri.

CALON-CALUN PEPERIKSAAN M.C.E./H.S.C.

30. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pelajaran bilangan murid-murid M.C.E. dan H.S.C. yang gagal pada tahun yang lepas mengikut bangsa.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bagi peperiksaan M.C.E. 1975 seramai 19,864 calon-calon sekolah kandas daripada jumlah 48,978 calon-calon sekolah yang mengambilnya. Bagi peperiksaan H.S.C.

1975 pula seramai 1,774 calon-calon sekolah yang gagal mendapat sijil penuh daripada jumlah 5,001 calon-calon sekolah yang mengambilnya. Dukacita saya tidak dapat memberi pecahan perangkaan tersebut mengikut kaum kerana Kementerian Pelajaran tidak menyimpan rekod sedemikian.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 adalah diberi di bawah ini).

RANCANGAN TAMIL DI TV MALAYSIA

13. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa rancangan-rancangan Tamil di TV Malaysia, seperti nyanyian, drama dan tarian telah direntikan buat sementara waktu. Ini adalah menghindarkan peluang hiburan kepada sebilangan besar pekerja-pekerja estet yang tinggal di luar bandar dan oleh itu dapatkah Menteri yang berkenaan mengembalikan semula rancangan-rancangan yang pernah diadakan dahulu.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Rancangan-rancangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah direntikan. Malah masih ada disiarkan dalam semua rancangan-rancangan hiburan yang ada sekarang. Dalam konteks dasar untuk menimbulkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa, nyanyian dan tarian dari semua bangsa dipersembahkan, di mana boleh, dalam rancangan-rancangan yang integrated seperti "Hiburan Malam Minggu", "Aslirama" dan lain-lain lagi.

Di samping itu ditayangkan juga dua pertunjukkan filem India pada tiap-tiap minggu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (STOK PENIMBAL TIMAH ANTARABANGSA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Julai, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada petang semalam Rang Undang-undang ini telah dikemukakan dan disokong untuk bacaan kali kedua. Sekarang terbuka untuk perbahasan bahawa Suatu Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi membenarkan wang sebanyak tidak lebih daripada \$150 juta dipinjam untuk membiayai pembayaran Bahagian Persekutuan dalam Stok Penimbal yang akan ditubuhkan di bawah Perkara 20 Perjanjian Timah Antarabangsa, 1976 dan bagi maksud-maksud bersampingan dengannya.

3.33 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan di samping itu suka juga memberikan sedikit pandangan mengenai beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak semua rakyat di negara ini mengetahui akan kesulitan yang dihadapi oleh negara-negara pengeluar bijih timah khasnya negara kita ini. Akan tetapi saya percaya sejumlah besar ataupun sedikit-tidaknya kesemua Ahli Dewan ini mengetahui betapa pentingnya perusahaan bijih timah ini dan perusahaan ini patutlah diberikan perlindungan yang cukup oleh kerana perusahaan ini adalah perusahaan yang terbesar di negara ini dan ia juga adalah merupakan perusahaan yang penting. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini pada pendapat saya adalah salah satu Rang Undang-undang yang penting, jadi ini merupakan satu langkah yang penting bagi Kerajaan untuk memberikan perlindungan kepada perusahaan bijih timah ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini maka saya dapati Clause 3 (2) amatlah menarik perhatian saya. Clause ini memberikan kuasa yang penuh kepada Menteri yang berkenaan untuk membuat pinjaman tidak lebih daripada \$150 juta daripada mana-mana juga sumber dan di atas apa jua syarat yang difikirkan oleh Menteri yang berkenaan patut dan wajar. Tadi saya katakan Clause ini adalah menarik perhatian saya oleh kerana pada fikiran saya sumber pinjaman itu adalah suatu perkara yang amat penting dan patut dibincangkan oleh Dewan ini dengan secara yang mendalam. Sumber pinjaman dari luar iaitu jika pinjaman ini dibuat daripada luar ataupun

separuh dibuat daripada dalam negeri dan separuh dibuat daripada luar. Sumber pinjaman daripada luar ini adalah banyak dan saya percaya dengan adanya pula Clause 6 di dalam Bill ini iaitu memberikan jaminan kepada pembayaran balik maka saya rasa banyak negara-negara peminjam ataupun donor countries yang bersedia memberikan pinjaman kepada negara kita. Jika pinjaman ini dibuat daripada luar negeri maka ada beberapa sumber yang boleh dipinjam oleh negeri yang berkenaan, misalnya seperti daripada International Monetary Fund (I.M.F.) ataupun mungkin pinjaman itu dibuat daripada United States Agency for International Development (A.I.D.) ataupun mungkin daripada World Bank ataupun daripada sumber-sumber lain. Jika pinjaman ini dibuat daripada Amerika ataupun daripada Eropah maka haruslah kita mengetahui bahawa negara Eropah ataupun Amerika sudah tentu akan menggunakan pinjaman itu semata-mata sebagai political leverage. Perkara ini telah menjadi kenyataan, Negara-negara yang sedang membangun selalu juga dirujukkan ataupun dipanggil sebagai Third World khasnya telah sedar atas perkara ini dan banyak di antaranya telah menjadi alat semata-mata kepada negara peminjam. Itulah perkara yang mengkhawatirkan saya. Perkataan seperti "neo-colonialism" dan "aid is imperialism" tidaklah menjadi asing lagi kepada negara yang membangun. Dan sejarah telah menyaksikan bahawa aid ataupun bantuan ini adalah merupakan imperialism in disguise.

Tuan Yang di-Pertua, buktinya telah cukup dan nyata. Apa yang telah berlaku di negara-negara Amerika Selatan seperti Colombia, Chile, Brazil dan Peru merupakan satu babak yang penting dimana seluruh negara yang membangun dapat menonton imperialism in its new form. Di sinilah tempatnya World Bank, I.M.F. dan A.I.D. mencurahkan segala bantuan yang berbentuk pinjaman dan menjalankan manipulasi dengan cara yang paling cermat dan halus semata-mata kerana menjaga kepentingan mereka sendiri. Setelah melihat apa yang telah berlaku di negara-negara tersebut maka dipenghujung analisa, kita dapati dan mengetahui bahawa bantuan samada berupa pinjaman (loan) ataupun lain-lain khidmat tidak lain dan tidak bukan adalah diistilahkan oleh dunia kominis "sugar coated bullet" ataupun peluru disalut dengan gula. Selain daripada bukti yang nyata ini kita juga

dapati bukti-bukti dengan cara tulisan mengenai dasar pinjaman yang diberikan oleh Eropah dan Amerika. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya quote.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Mendiang Persident Kennedy di dalam tahun 1961 pernah berkata mengenai dengan pinjaman:

"Foreign aid is a method by which the United States maintains her position of influence and control around the world and sustains a good many countries which would definitely collapse or pass into the communist bloc".

Dan begitu juga seorang Senior Economic Professor yang bernama H. B. Channery yang mengakui dan katanya:

"Economic assistance is one of the instruments of foreign policy that is used to prevent political and economic conditions from deteriorating in countries where we value the preservation of the present government."

Jadi inilah telah jelas dan nyata bagaimana negeri-negeri peminjam ini menggunakan bantuan-bantuan itu bagi faedah mereka yang digunakan sebagai political liberation yang saya katakan tadi. Apa yang berlaku di negara-negara yang saya sebutkan tadi haruslah menjadi suatu pengajaran kepada kita. Kita telah merdeka hampir-hampir 20 tahun. Dan kita tidak lagi harus menjadi mangsa kepada imperialisism berbentuk baharu ini. Kita tidak mahu lagi menjadi mangsa kepada dasar barat yang memberi dengan tangan kanan dan mengambil balik dengan tangan kiri, ataupun dengan dasarnya; mulut disuap pisang, bontot dikait onak.

Tuan Yang di-Pertua, saya takut kalau-kalau disebabkan oleh kuasa yang diberikan oleh Menteri ini, kuasa meminjam \$150 juta ini maka jikalau sumber itu salah, jikalau sumber itu daripada barat, saya takut kalau-kalau seperti yang saya katakan tadi dengan manipulasi yang paling halus dan cermat dengan syarat-syarat yang boleh menjejaskan kepentingan kita, maka hasrat kita yang murni itu tidak dapat kita laksanakan.

Satu lagi perkara yang menimbulkan minat saya membahaskan Rang Undang-undang ini ialah jika pinjaman itu dibuat

daripada barat maka ini sudah tentu akan merugikan kita terutama sekali bahawa pinjaman daripada barat itu yang mengenai bunga ataupun faedah at commercial rate.

Kedua, pinjaman daripada barat ini juga boleh menjejaskan politik kita di rantau ini. Kita sekarang ini sedang bertungkus-lumus dengan penuh usaha dan tenaga kita untuk membangunkan ASEAN. Sebagaimana kita semua mengetahui bahawa penubuhan ASEAN ini adalah sentiasa dipandang dengan hati yang cemburu, syak wasangka daripada negara-negara kominis, negara-negara sosialis khususnya negara kominis yang berhampiran sekali iaitu Hanoi. Jadi dapatkah kita mengubat cemburu mereka ini jikalau kita sentiasa menghala ke barat di dalam usaha mendapatkan sebarang bantuan dan pinjaman. Dan dapatkah kita membuktikan kepada mereka bahawa dasar luar kita ialah dasar non-alignment. Jika kita menganggap dunia barat sebagai saviour kepada kita disepanjang masa. Jadi inilah perkara yang juga membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya rakyat Hanoi, maka saya sudah pasti menyatakan bahawa this is a policy of contradiction, ataupun sekurang-kurangnya mereka ini mempunyai kenyataan yang cukup menuduh ASEAN ini sebagai boneka imperialis. Mungkin mereka tidak menuduh kita mempunyai Defence Pact. Tetapi sudah tentu kita katanya mempunyai Economic Pact dengan negara barat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita telah mempunyai banyak sahabat di merata dunia. Kita telah mulai bersahabat dengan negara China, dengan negara-negara sosialis yang lain dan juga baru-baru ini nampaknya persahabatan dengan negara-negara Arab amatlah erat. Jadi, ada baiknya jika kita berusaha pula mendapatkan pinjaman dari negara-negara Arab ini on easy terms, dan saya percaya jika kita dapat menerangkan kepada negara-negara Arab ini hasrat dan tujuan kita itu, saya percaya negara Arab ini akan memberi pertolongan dan memberikan segala simpati kepada kita. Jikalau negara Arab ini sudah bersedia memberikan segala apa juga pertolongan kepada PETRONAS iaitu industri nasional kita, maka saya tidak nampak kenapa negara Arab tidak boleh memberikan pertolongan kepada kita di

dalam perusahaan bijih timah ini. Kerana ini adalah juga salah satu daripada industri yang paling penting di negara ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Juga setakat yang saya ketahui, negara-negara Arab sekarang ini telahpun memberikan beberapa banyak pinjaman kepada private enterprises di negara ini. Jadi apatah lagi jikalau industri ini industri nasional dan bukannya private enterprise, saya percaya sikap Arab terhadap ini adalah lebih baik dan sudah tentunya mereka bersedia memberikan pertolongan. Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, persahabatan kita dengan negara-negara Arab itu bolehlah dikatakan persahabatan semula jadi. Dan elok benarlah jika sekiranya pinjaman ikut kita perolehi daripada negara Arab.

Di dalam ikatan teknikal ataupun dalam bantuan teknikal mungkin negara-negara Arab ini tidak boleh memberikan bantuan kepada kita, kerana mereka sendiri kekurangan pengetahuan ini. Tetapi mengenai dengan bantuan seperti pinjaman di dalam masa-masa yang telah lampau nampaknya negara-negara Arab ini belum lagi mengecewakan kita. Dan faedah yang dikenakan oleh negara-negara Arab ini adalah sangat rendah dan ada kalanya barangkali tidak ada langsung.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Clause 5 dan 6. Pada pendapat saya Clause 5 ini adalah adil iaitu wang pinjaman tidak lebih \$150 juta itu akan digunakan bagi faedah stok penimbal ini. Dan juga Clause 6 menyatakan bahawa bayaran itu akan dibuat daripada levy yang dikenakan atas hasil-hasil bijih timah. Tetapi yang saya kurang faham disini mengenai Clause 6 (2).

"6. (2) If the whole sum raised under the provisions of this Act together with interest due thereon has not been repaid within two years from the date of expiry of the International Tin Agreement 1976 the Minister shall appropriate out of the Consolidated Fund and repay the sum outstanding together with interest due thereon."

Jadi di sini kita telah meminjam ataupun kita akan meminjam \$150 juta. \$150 juta itu akan menjaga kepentingan pelombong-pelombong iaitu orang yang kaya-kaya. Tetapi mengapa pula jikalau kita tidak terbayar di dalam masa yang ditentukan, maka kita akan membuat pembayaran daripada Consolidated Fund. Adakah ini merupakan:

- (1) Kita hendak memberi kesenangan yang seboleh-bolehnya kepada pelombong-pelombong oleh kerana pelombong ini adalah mereka yang banyak membayar cukai dan industri ini adalah industri penting.
- (2) Adakah kita membuat safety valve Clause 6 (2) ini iaitu jikalau kita tidak dapat membayar maka kita bayar daripada Consolidated Fund. Adakah ekonomi forecast kita mengenai perkara ini tidak tepat.

Jadi kita tidak pasti samada tin levy itu juga untuk membayar balik atau pun tidak cukup maka kita bersedia membayarnya daripada Consolidated Fund. Jadi mengenai perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mendapat jawapannya jikalau pihak Menteri berkenaan dapat memberikan sedikit penerangan untuk pengetahuan saya.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran dan secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, hanya ada dua points sahaja. Yang pertama iaitu kekhuatiran yang telah dinyatakan berkaitan dengan kemungkinan negara-negara yang kuat yang meminjamkan wang kepada kita memanipulasikan keadaan-keadaan politik dalam negara kita. Ini memang adalah satu keadaan yang sentiasa diawasi oleh Kerajaan kita dan Malaysia tidak akan; dan saya ulangi, tidak akan menjadi mangsa seperti yang telah dikhuatirkan itu. Kami meminjam wang ini dapatlah memilih daripada beberapa banyak tawaran yang dibuat kepada kita dan kita memang akan pilih punca-punca wang yang terbaik sekali dari segi kerendahan kadar bunga dan sebagainya. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu, walaupun beliau khuatir tetapi Kerajaan

sentiasa mengawasi keadaan ini dan kita tidak akan menjadi mangsa kepada neo-colonialism itu.

Yang kedua, Clause 6 (2) yang telah dibaca oleh Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan:

“Jika kesemua wang yang didapatkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini serta bunga yang kena dibayar atasnya tidak dibayar balik dalam tempoh dua tahun dari tarikh tamat Perjanjian Timah Antarabangsa 1976 Menteri hendaklah menguntukkan dari Kumpulanwang Disatukan dan membayar balik jumlah wang yang belum dibayar itu serta bunga yang kena dibayar atasnya.”

Ini hanya membolehkan Yang Berhormat Menteri Kewangan mendapatkan wang daripada punca-punca kita sendiri untuk memenuhi syarat-syarat perjanjian itu yang hendak dipenuhi apabila masanya sampai. Tetapi ini bukanlah maknanya Kerajaan akan rugi, seperti dikatakan di dalam Huraian Bill ini, Tuan Yang di-Pertua:

“Pinjaman yang hendak didapatkan ini tidak akan melibatkan perbelanjaan wang awam kerana pinjaman itu serta bunganya dan juga belanja pentadbiran bersamping dengannya akan dijelaskan dari hasil pendapatan levi yang dikenakan ke atas padat timah yang dilombong dalam Persekutuan.”

Dan Bill ini hanya satu enabling law sahaja yang membolehkan Yang Berhormat Menteri meminjam duit untuk menstabilkan harga bijih timah ini yang sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya ingin menjawab, dan di atas segala points yang telah ditimbulkan itu, saya akan mengambil perhatian. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Maran.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1976 untuk bacaan kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini bagi meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga menubuhkan Syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telah ditubuhkan pada bulan Jun, 1973 dengan berkuatkuasanya Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973, dengan tugas-tugas seperti berikut:

- (a) mengatur dan mengawal perdagangan dan pemasaran dan pengedaran kayu;
- (b) memaju dan memperbaiki perdagangan dan pasaran kayu;
- (c) menggalakkan penggunaan yang berkesan bagi kayu dengan menitikberatkan pelbagaian keluaran dan memajukan pembaikan dan ekonomi dalam cara-cara mengusahailah dan memproses kayu;
- (d) mengadakan perkhidmatan nasihat teknik yang dikehendaki untuk membantu dalam pembangunan perindustrian kayu yang sedia ada dan dalam penubuhan perindustrian-perindustrian baharu;
- (e) membantu perindustrian kayu dalam pemasaran kayu; dan
- (f) menyusun dan membantu penyatuan perindustrian-perindustrian kayu secara kecil dan mengintegrasikan dengan lebih

erat aktiviti-aktiviti perindustrian kayu pada amnya, supaya mencapai kecakapan yang lebih baik, dan mendapatkan asas yang lebih kukuh untuk perindustrian kayu keseluruhannya.

Untuk melaksanakan beberapa tugas Lembaga terutama tugas-tugas (c) dan (f) di atas, Lembaga sedang mengambil langkah untuk memajukan 2 projek tertentu seperti berikut:

- (1) Projek pengkalan ekspot kayu-kayan di Pelabuhan Kelang dan Pasir Gudang, Johor, dan
- (2) Projek bagi menubuhkan satu badan usahasama di antara pengilang-pengilang kayu-kayan Bumiputra yang akan mengendalikan dan memasarkan keluaran kilang-kilang tersebut.

Projek Pengkalan Ekspot Kayu-Kayan

Tujuan memajukan projek ini adalah:

- (1) Untuk memberi satu khidmat yang lebih cekap dan sempurna kepada pengeksport-pengeksport kayu-kayan melalui kemudahan-kemudahan penyimpanan kayu yang lebih luas dan penyelenggaraan sistem punggah-memunggah yang lebih teratur.
- (2) Untuk membolehkan Lembaga menguatkuasakan sistem kawalan mutu yang lebih kemas sebelum kayu-kayan diekspot ke luar negeri.
- (3) Untuk membolehkan pengkalan yang disediakan nanti digunakan sebagai kemudahan-kemudahan "cargo consolidation" supaya dapat diaturkan sekim perkapalan yang lebih berekonomi dan cekap.

Badan Pemasaran

Di antara 540 kilang-kilang papan yang aktif dalam Semenanjung Malaysia, hanya 24 kilang atau 4.4% daripada jumlah tersebut sahaja bolehlah dikatakan dipunyai dan dijalankan sepenuhnya oleh Bumiputra. Dalam bidang pemasaran pula hanya 27 syarikat-syarikat yang dipunyai 100% oleh Bumiputra yang sedang menjalankan pengespotan kayu-kayan ke negara-negara seberang laut jika dibandingkan dengan 618 jumlah pengeksport-pengeksport kayu-kayan kecuali kayu bulat.

Adalah jelas bahawa penyertaan Bumiputra dalam bidang perkilangan kayu-kayan dan juga bidang pemasaran kayu-kayan adalah sangat rendah dan tidak selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun Kerajaan, menerusi pengeluaran kawasan hutan dan lesen-lesen kilang papan, telah memberi kemudahan-kemudahan yang banyak kepada pengusaha-pengusaha kayu-kayan Bumiputra, tetapi tidak boleh dikatakan pengusaha-pengusaha Bumiputra, sehingga hari ini mempunyai kedudukan yang kukuh dalam perkembangan sektor perkayuan.

Adalah menjadi hasrat Lembaga untuk menyatukan pengilang-pengilang Bumiputra yang sedang menjalankan perusahaan mereka secara kecil dan diberi segala bantuan dan bimbingan untuk memperbaiki kedudukan mereka. Oleh itu, Lembaga akan memberi keutamaan bagi membantu printis-printis bumiputra yang sekarang telahpun terlibat di dalam perkilangan kayu gergaji dan menubuhkan satu badan pemasaran untuk menyelenggarakan segala urusan pembekalan dan ekspot untuk faedah bersama. Badan tersebut akan juga membekalkan syarikat-syarikat pengeksport bumiputra yang sekarang menghadapi kemushkilan untuk mendapatkan bekalan-bekalan bagi menampung pesanan-pesanan yang mereka dapati daripada luar negeri.

Penyertaan Lembaga dalam badan tersebut bukanlah untuk mencari keuntungan tetapi untuk menggerakkan satu daya kerjasama (co-operative action) di antara pekilang-pekilang papan bumiputra untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka di dalam bidang pemasaran dan dengan itu diharap akan memainkan peranan yang lebih tegas di dalam sektor ekspot. Lembaga akan menyertai dalam perbadanan pemasaran berkenaan dengan melaburkan modal pelancaran dengan syarat penyertaannya akan dikurangkan berperingkat-peringkat apabila badan itu telah bergerak dengan sendirinya kearah pengendalian sepenuhnya oleh para pengilang bumiputra.

Untuk melaksanakan projek-projek ini adalah difikirkan bahawa Lembaga perlu membuat pindaan-pindaan yang membolehkan penubuhan beberapa syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

Peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 tidak memberi kuasa

kepadanya untuk berbuat demikian. Seksyen (12) (3) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973, membolehkan Lembaga menubuhkan perbadanan dengan cara perundangan kecil (subsidiary legislation) dan tidaklah memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

Adalah dicadangkan supaya Seksyen 12 di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dipinda dengan menambah satu peruntukan baru memberi kuasa kepada Lembaga bagi menubuhkan Syarikat.

Pindaan-pindaan yang lain dalam Rang Undang-undang tersebut adalah pindaan-pindaan yang berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.05 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana membawa Bil ini yang membolehkan Lembaga menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi mendapat keuntungan atau faedah dalam hal yang berkenaan melalui syarikat-syarikat yang boleh ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga pada hari ini kerana Malaysia adalah merupakan sebuah negara pengeksport kayu-kayu tropika yang utama dan pendapatan daripada kayu-kayu yang telah dibersihkan (sawn tropical hardwood) dan balak-balak (logs) yang dieksport membawa kepada pendapatan beratus juta ringgit kepada negara kita tiap-tiap tahun. Kayu-kayu ini adalah mempunyai kegunaan yang tidak terhad dan kita harus menjalankan kajian-kajian yang intensif untuk memperkenalkan kegunaannya yang terakhir (study the end uses) kepada beberapa buah negara di mana kita mengeksport kayu-kayu itu. Adalah sangat mustahak bagi kita mengetahui kegunaan-kegunaan yang terakhir (end uses) dalam pengeluaran kayu-kayu supaya kita dapat

memproses untuk memenuhi keperluan pembeli-pembeli dan juga dengan penerangan-penerangan yang disediakan akan membolehkan kita mendapat harga-harga yang terbaik untuk kayu kita.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, kita harus membenarkan kepada negara-negara minyak Arab yang pada ketika ini sedang pesat membuat beberapa perubahan pembangunan, terutamanya dari segi binaan yang tidak boleh tidak memerlukan bahan-bahan kayu untuk pembinaan. Sebuah negara lagi iaitu negeri China di mana kita boleh menjual kayu-kayu itu. Ianya adalah sebuah negeri yang besar dan mempunyai bilangan penduduk-penduduk yang sangat ramai dan tentulah sekali keperluan kayu-kayu itu, misalnya, membuat jambatan dan rumah-rumah kayu memang tidak menjadi soal kepada kita untuk menjual kayu-kayu itu ke negara China.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan kerjasama negara-negara ASEAN yang lain yang bersama-sama mengeluarkan jumlah besar (in bulk) kayu-kayu tropika satu sekim kestabilan harga (price stabilisation scheme) boleh dilakukan untuk menentukan perusahaan kayu di negara kita akan sentiasa menguntungkan dan memainkan peranan yang amat berkesan dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang banyak hutan-hutan yang besar akan dibuka untuk penanaman dan apa yang telah terjadi pada kebiasaannya banyak kayu-kayu yang berharga telah tidak digunakan dan dibakar sahaja, iaitu menjadi waste wood. Ini adalah disebabkan telah menjadi amalan untuk mendapatkan commercial species sahaja dan yang bakinya dibakar supaya beli tanah untuk perusahaan seperti getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia mencari jalan supaya dapat menggunakan sisa-sisa kayu-kayu yang tidak digunakan (residual timber) seperti disebutkan tadi untuk dijadikan wood-chips dan wood-products yang mana boleh mendatangkan berjuta-juta ringgit bila dieksport keluar negeri seperti Jepun dan Timur Tengah.

4.09 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, izinkan saya menyentuh beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini.

Faktor-faktor yang diketahui menunjukkan bahawa ada pengecualian cukai intensif yang bertaraf perintis telah diluluskan kepada kilang-kilang plywood dan juga integrated wood yang mana ada merezabkan saham sebanyak 30% bagi penyertaan bersama bumiputra disemua peringkat. Adakah Kerajaan tahu berapa buah syarikat-syarikat yang mematuhi fasal atau clause ini.

Satu lagi ialah berkenaan dengan perusahaan perkayuan Malaysia yang mana sebagai sebuah badan separuh Kerajaan adakah mereka ini seperti Pengerusi, Ketua Pengarah dan juga Setiausahanya mempunyai pengalaman di dalam bidang pengelasan (grading), pemasaran dan kemajuan perdagangan sepertimana kita sedia maklum. Setakat hari ini hanya lebih kurang 5% sahaja lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada komplek-komplek kilang papan tetapi tidak ada satu pun di dalam kilang-kilang plywood ataupun integrated wood seperti pernit membuat perabot dan lain-lain. Tandatanya ialah berapa bilangan syarikat-syarikat bumiputra yang telah dikeluarkan ataupun diberikan kepada bumiputra seperti pengeluar atau pengeksport jika dibandingkan dengan lain-lain bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan buat pada masa ini kilang-kilang papan yang ada khasnya kilang-kilang papan bumiputra di tanahair kita ini hidup segan mati tak mahu. Ada setengah-setengahnya telah di Ali-babakan. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebanyak 24 buah kilang papan bumiputra yang menjalankan tugasnya dengan berbagai-bagai kesulitan pada masa ini. Namun begitu perkara ini boleh kita atasi dengan mana-mana pihak. Kementerian ini hendaklah mengawasi dan menasihati tuan-tuan punya kilang bumiputra ini bercantum dan menjadikan satu kilang yang besar. Setelah kilang-kilang ini bersatu, saya rasa sudah pasti segala kesukitan untuk mengeksport dan untuk mendapatkan kayu-kayan bagi kilang-kilang ini sudah pasti tidak menyulitkan. Serentak dengan itu

juga pihak Kerajaan hendaklah menubuhkan satu badan yang khas untuk mengawasi kilang-kilang bumiputra ini.

4.13 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di samping itu suka menyampaikan betapa tertariknya saya kepada butir-butir yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri menggambarkan bagaimana kecilnya penyertaan bumiputra di dalam perusahaan perkayuan ini.

Lembaga Perkayuan ataupun nama panjangnya Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini adalah satu Lembaga di mana telah diberi kuatkuasa ataupun mempunyai fungsi-fungsi untuk regulate, control dan juga untuk memasar (distribution) segala jenis perusahaan kayu—sangat luas fungsi-fungsi ini. Mengapa maka adanya daripada semenjak badan ini ditubuhkan sehingga hari ini begitu kecil penyertaan bumiputra di dalam perusahaan tersebut. Badan ini dijaga oleh beberapa orang yang menjadi anggota Lembaga tersebut. Kalaulah kita membuat satu kali kesilapan, maka diharap janganlah kesilapan itu diulangi. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menambah bilangan bumiputra menduduki Lembaga ini. Itu yang mustahak.

Sungguhpun barangkali di dalam Lembaga sekarang ada beberapa orang bumiputra, tetapi bumiputra-bumiputra yang duduk sebagai anggota Lembaga ini adalah wakil daripada Kementerian, wakil daripada Jabatan Perhutanan—kalau tidak salah Director-General. Kita tidak hendak bumiputra-bumiputra seumpama ini dianggap sebagai mewakili bumiputra daripada bidang perniagaan dan perusahaan. Apa yang kita hendak ialah betul-betul bumiputra yang berkecimpung di bidang dan perusahaan duduk di Lembaga itu untuk mengawasi supaya jangan lagi terjadi sebagaimana gambaran yang digambarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di sini bahawa Akta ini jika diluluskan akan membolehkan Lembaga tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi mendapat untung dan faedah dan seterusnya. Apa yang saya hendak gambarkan di dalam Dewan

yang mulia ini, janganlah pula nanti aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh Lembaga ini menerusi syarikat-syarikat itu bertelingkah dengan aktiviti-aktiviti badan-badan berkanun yang ditubuhkan dan akan nanti ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membantu bumiputra. Ini hendaklah dikawal kerana di dalam bahagian ini mengatakan syarikat-syarikat itu boleh ditubuhkan setelah diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Saya berpendapat bahawa bukan sahaja dengan diluluskan oleh Menteri yang berkenaan dan juga dipersetujui oleh Menteri Kewangan tetapi hendaklah dirundingkan dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu dan juga badan-badan berkanun yang saya sebutkan tadi yang ada terlibat di dalam industri perkayuan ini supaya jangan ada pertelingkahan (duplication).

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyenutuh satu perkara yang merupakan satu peluang baru di negara ini, iaitu kayu getah (rubber wood). Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa kayu getah ini—kayu daripada pokok getah, pada suatu masa dahulu kita buang sahaja ataupun selebih-lebihnya kita buat kayu api, tetapi sekarang ini boleh digunakan untuk membuat perabot dan untuk membuat alat-alat yang lain, kerana ini merupakan satu peluang yang baru. Saya berharap Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini kerana saya percaya kayu getah pun barangkali masuk di dalam istilah ini dapat diberi peluang-peluang baru ini kepada badan-badan berkanun yang ditubuhkan untuk membantu bumiputra ataupun kepada peniaga-peniaga bumiputra secara terus. Jangan diberi peluang baru ini kepada peniaga-peniaga yang lain.

Saya juga suka membuat teguran supaya badan ini dapat mencari jalan mengadakan satu koordinasi yang lebih sempurna dan lebih rapat di antara pembekal-pembekal balak dan dengan perusahaan-perusahaan yang menggunakan bahan-bahan tersebut iaitu kayu balak dan sebagainya. Katalah seperti kilang papan, kilang papan lapis (plywood) dan dengan adanya koordinasi yang lebih rapat ini dapatlah kelak pembekal-pembekal balak ini memasarkan bahan-bahan tersebut dan mengetahui apakah

sebenarnya yang dikehendaki oleh pengilang-pengilang ini dan dapat juga harga jualan dengan sewajarnya. Pada masa ini saya berpendapat bahawa there is a lack of co-ordination di antara badan pembekal dan badan pengguna bahan tersebut.

Saya juga suka membawa pandangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan juga kepada anggota-anggota yang duduk dalam Lembaga Kayu Malaysia ini kepada langkah-langkah yang akan diambil oleh Lembaga tersebut pada masa-masa yang akan datang terutama apabila memberi lesen eksport kepada pemohon-pemohon. Perhatikan sedikit dan berilah timbangan sewajarnya kepada permohonan-permohonan daripada Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja teguran-teguran dari saya dan saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil teguran-teguran saya ini untuk melindungi supaya anggota-anggota Lembaga tersebut menjalankan peranannya yang baru sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini betul-betul sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru kita.

4.22 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini bernama Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) tahun 1976.

Mula-mula saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga ini yang telah menjalankan tugasnya dengan bersungguh-sungguh walaupun Lembaga ini hanya ditubuhkan pada tahun 1973. Umpamanya, Lembaga ini telah mengarahkan semua kilang-kilang papan yang memotong kayu balak untuk eksport memberi kepada Lembaga ini salinan-salinan kontrak yang mereka telah tandatangani dengan pengeksport-pengeksport untuk memastikan bahawa kilang-kilang papan tidak berjanji membekalkan kayu lebih daripada yang mereka keluarkan. Lembaga ini juga telah menetapkan berbagai-bagai undang-undang dan peraturan untuk mengungkung atau mengawal pengilang-pengilang tempatan dan pengeksport supaya menjalankan perdagangan kayu balak dengan sepatutnya dan menyingkir pengilang-pengilang yang tidak jujur atau to

exclude the fly-by-night operators yang memburukkan nama perdagangan ini. Walau bagaimanapun Lembaga ini tidak dapat mengawal beberapa orang pembeli-pembeli dari luar negeri yang juga kurang jujur. Mereka membatalkan pesanan-pesanan kayu atau kontrek apabila harga jatuh dan menutup perniagaannya, dan tidak dapat mencari mereka. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan bahawa bantuan daripada Suruhanjaya Perdagangan kita di luar negeri hendaklah diminta untuk mendaftarkan pembeli-pembeli luar negeri itu supaya latar belakang dan keadaan kewangan pengimpot-pengimpot itu dapat ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara-negara pengeluar kayu balak sedang menghadapi masalah banjir dan lain-lain pada masa ini dan banyak negara-negara yang membeli atau menggunakan kayu balak itu berpaling kepada Malaysia. Oleh kerana itu perdagangan kayu balak kita menghadapi keadaan melambung atau enjoying a boom time. Boleh dikatakan secara umum bahawa mereka yang terlibat dalam perdagangan kayu balak sedang menikmati keuntungan. Mereka hanya risau kerana tidak dapat mengeluarkan dengan sebanyak-banyaknya untuk memenuhi demand dan mungkin tidak ramai orang yang masih ingat bahawa pada tahun 1974 ramai orang bersedih atau menangis kerana kemerosutan ekonomi di dunia. Turun naik harga (fluctuation) dalam harga dan demand seperti ini kurang sihat untuk perdagangan kayu balak khasnya dan ekonomi negara secara umum. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengatur satu rancangan untuk menstabilkan harga kayu balak. Lebih baik mendapat makan setiap hari daripada kenduri besar seminggu dan menghadapi kelaparan pada bulan-bulan yang akan datang.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah berjaya menstabilkan harga getah dan saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya dan terima kasih kepada beliau. Saya haraplah sekarang beliau berpaling kepada menstabilkan harga kayu balak juga.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini juga merupakan kuasa yang menetapkan peraturan-peraturan untuk menggred dan memeringkatkan kayu gergaji dan saya ingin

menyentuh peraturan-peraturan pemerengkatan ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada sedikit teknikal, saya minta izin bercakap bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang mana teknikal?

Tuan Au How Cheong: Saya hendak cubalah menyambung ucapan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Istilah yang teknikal boleh dalam bahasa Inggeris, yang lain boleh dalam bahasa Malaysia.

Tuan Au How Cheong: Hampir semua kayu gergaji kita untuk eksport diperengkatkan di bawah peraturan yang dikenal sebagai Peraturan Pemerengkatan Kayu Keras Gergaji (Malayan Grading Rules for hardwood sawn timber). Peraturan-peraturan ini sangat lengkap teknikal dan tepat sehinggalah ianya merupakan satu peraturan kayu gergaji yang terketat sekali di seluruh dunia ini. Peraturan-peraturan ini menentukan saiz matakayu (knots) kelengkongan kayu dari semua segi (curvature of a piece of timber in all directions) ukuran panjang belahnya (the length of the splits) bahkan ukuran liang-liang serangga (pinhole). Segalagala ini bermakna selepas kayu gergaji kita digredkan untuk mengasingkan semua cacatan (defect) hanya kayu gergaji yang terbaik sekali dihantar keluar negeri.

Ini juga bermakna terdapat pembaziran banyak dalam perdagangan kayu balak kita. Sekarang sampailah masa kita untuk mengkaji semula peraturan-peraturan pemerengkatan kita. Kita memelihara taraf yang terlalu tinggi untuk kita sendiri. Memanglah beberapa daripada ini yang dikatakan cacat kepada kayu gergaji bukanlah cacat sama sekali. Kita telah dipermain-mainkan begitu lama. We have been taken advantage of for too long, kerana peraturan-peraturan ini yang mula-mula disusun oleh orang Eropah bertahun-tahun dahulu untuk menyesuaikan pasaran mereka sendiri supaya hasil-hasil kita yang terbaik sekali dihantar ke negara-negara mereka. Untuk memberi beberapa contoh:

- (a) Terdapat lima gred kayu balak gergaji di bawah spesifikasi pasaran am atau general market specification. Gred pertama terkenal sebagai prime grade. Tetapi tidak siapa yang pernah membeli kayu gergaji dalam prime grade.

Kerana tidaklah keperluan untuknya dan kerana apabila seorang pembeli membeli gred kedua atau select grade sebagai yang dikenali ia akan mendapat kayu prime grade. Oleh sebab itu saya mencadangkan prime grade dalam aturan itu patutlah dibatalkan.

- (b) Liang jarum (pin hole) yang berukuran 1/32 inci (1/32" in diameter) dianggap sebagai cacat dan tidak patutlah demikian. Liang-liang jarum atau (pin hole) mestilah termasuk dalam pemotongan tanpa keperluan spesifikasi atau ditandakan liang jarum tidak bercacat (or p.h.n.d. in the language used in the trade).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri faham itu, dia sudah tahu istilah itu semua.

Tuan Au How Cheong: Pin hole no defect (p.h.n.d.) dan patutlah diterima sebagai semua gred khasnya untuk Meranti.

- (c) Gubal cara (bright sap wood). Dianggap sebagai satu cacat dan diterima dengan batasan tetapi gubal cara ditakrifkan dalam peraturan seperti ini saya hendak bacakan dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang hendak dibaca?

Tuan Au How Cheong: Sap Wood, the outer layers of wood adjacent to the bark which in the living tree contains living cells and reserve material. It is not inferior to heart wood in mechanical property except in some timber like ramin and jelutong.

Gubal tidak patutlah dianggap sebagai cacat dan mestilah dimasukkan tanpa batasan pada semua gred, dengan syarat bahawa jumlah bilangan keratan kayu yang mengandungi gubal cara dalam tiap-tiap bungkusan dihadkan.

- (d) Dalam peraturan ini sais buku kukuh (sound knots) atau kayu mata atau mata kayu dihadkan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kayu mata lain.

Tuan Au How Cheong: Mata kayu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mata kayu pun lain juga (*Ketawa*).

Tuan Au How Cheong: Sound knots lah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri itu tahu, dia telah pandai istilah ini semua.

Tuan Au How Cheong: Dihadkan yang bermakna knot yang melebihi ukuran yang tertentu merupakan satu cacat dan disingkirkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negara Barat kita boleh lihat kayu pine atau pine wood (soft wood) yang mengandungi banyak mata-mata atau knots digunakan untuk panel-panel atau dinding di tempat-tempat yang tertentu bagi maksud perhiasan. Ini menunjukkan taraf yang diletakkan oleh orang-orang barat bagi kita berfaedah untuk mereka sendiri sahaja. Oleh itu saya mencadangkan kepada Lembaga ini untuk mengkaji semua peraturan pemerangkapan yang terakhir disemak pada tahun 1968.

Lembaga ini patut mempelawa semua pengilang-pengilang kayu balak pengekspot-pengekspot dan pihak-pihak yang berminat untuk memberi ulasan-ulasan dengan tujuan meringankan peraturan-peraturan di mana yang boleh tanpa memburukkan marwah baik yang dinikmati oleh perdagangan kayu balak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Lembaga ini untuk menumpukan perhatian yang lebih dalam memberi penerangan, keterangan dan rekomendasi untuk menggunakan kayu yang tidak begitu terkenal untuk meninggikan dagangan ini secara am dan menggalakkan penggunaan semua kayu kita. Pada masa ini kegunaan keutamaan ada diberi kepada beberapa jenis kayu sahaja seperti meranti, cengal, dan keruing. Kayu yang tidak begitu terkenal jarang-jarang digunakan. Saya suka meminta Lembaga ini terutama sekali untuk memberi penerangan dan galakan yang lebih di atas penggunaan kayu dipanggil kempas secara ringkas, kalau kayu ini di bubuh ubat atau chemical ianya boleh tahan lama, sama tahannya dengan kayu yang biasa kita gunakan seperti cengal atau merbau, tetapi kayu ini susah hendak digergaji, dipaku dan diketam. Kegunaannya ditumpukan kepada alas landasan keretapi atau railway sleepers, cerucuk atau piling wood dan

junjung anggor (grape stick) di luar negeri. Ada juga prejudice penggunaan kayu ini dalam pembinaan, dan juruteknik-juruteknik di J.K.R. pun ada kalanya menolak kayu ini kerana terlampau banyak sap-wood dan lagi satu kerana characteristic kayu ini includes flume. Kayu ini sangat banyak dan hanya sebahagian kecil sahaja ditebang dan digunakan. Banyak kayu jenis ini ditebang dan dibiarkan begitu sahaja di dalam hutan dan kilang-kilang papan dalam negeri. Lembaga ini hendaklah menggalakkan kegunaan kayu ini dengan lebih khasnya dan kayu-kayu yang kurang terkenal pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun nama Lembaga ini telah ditukar dari Lembaga Perindustrian Ekspot Kayu kepada Lembaga Perindustrian Kayu tujuan utama Lembaga ini masih tertumpu kepada dagangan ekspot. Kalau saya tidak salah Lembaga ini telah mengambil perhatian yang sangat sedikit atau tidak ada langsung terhadap pasaran kayu dalam negeri. Bila pengeksportannya baik semua kilang-kilang papan menumpukan usaha mereka dalam memotong kayu untuk diekspot akibatnya banyak kawasan di negara kita seperti Province Wellesley, Pulau Pinang, Kedah ada kalanya tidak mendapat bekalan untuk keperluan tempatan. Banyak projek samada persendirian atau Kerajaan tergendala atau terlewat kerana kekurangan kayu gergaji. Walaupun mungkin saya akan dicabar oleh pekilang-pekilang saya harap Kerajaan patut mengenakan quota kepada semua kilang-kilang papan supaya mereka mesti mengeluarkan sebahagiannya untuk pasaran dalam negeri atau tempatan, dan bukan semua untuk diekspot untuk menentukan bekalan yang cukup dalam pasaran dalam negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya hendaklah ada satu dasar untuk mengawal beberapa banyak kayu yang patut diekspot tiap-tiap tahun, misalnya, kelapa sawit, mengambil masa lebih kurang 4 hingga 5 tahun untuk berbuah, getah mengambil masa lebih kurang 6 atau 7 tahun baru boleh ditoreh. Tetapi sebatang pokok kayu mengambil masa selama lebih kurang 70 tahun untuk mendatangkan hasil. Kalau kita tidak ada kawalan di atas beberapa banyak kayu yang dipotong dan diekspot akan tibalah harinya Malaysia terpaksa mengimport kayu dari luar negeri pula, dan dengan kadar yang ada sekarang masanya akan datang tidak lama lagi.

4.44 ptg.

Tuan Abdul Manan bin Othman (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu luas sekali pandangannya dalam membawa pindaan kepada Akta ini yang mana akan memberi peluang Lembaga ini menggiatkan lagi usaha-usahanya di dalam perindustrian perkayuan.

Saya percaya dan yakin di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri usaha-usaha ini dapat dilaksanakan dan asperasi Kerajaan untuk mengukuhkan dan mempergiatkan lagi industri ini dapat mencapai matlamatnya. Seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson tadi memang pasaran kayu di dalam dunia ini selalu sahaja naik dan turun semacam "yo-yo". Saya berharap dan percaya dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri beliau akan dapat memperbaiki keadaan ini seperti juga yang diusahakan olehnya di dalam pasaran getah. Sungguhpun pasaran dunia begitu rupa, negara kita telah menjadi sebuah negara pengeksport kayu yang masyhur dalam dunia dalam masa yang baru-baru ini, yang mana perusahaan ini telah menjadi perusahaan yang kedua dalam tahun 1973, dan keempat besarnya pada masa sekarang dari segi pertukaran wang asing.

Untuk menentukan imej kita dalam pasaran dunia, saya berharap pihak Lembaga akan terus mengawasi dengan lebih giat lagi mutunya supaya sesuai dengan kehendak pasaran yang sentiasa berubah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada mendengar sungutan-sungutan daripada pengusaha-pengusaha perkilangan bahawa mereka sentiasa menghadapi kekurangan kayu balak untuk diproses dan sebaliknya kita ada juga mendengar daripada pembalak-pembalak, mereka memohon mengekspot balak oleh kerana kayu balak ini adalah berlebihan daripada kehendak-kehendak pengusaha-pengusaha perkilangan. Dengan adanya suara-suara tersebut maka mustahak sekali Kerajaan Pusat bersama Kerajaan Negeri menyesuaikan dasar-dasar mereka supaya dapat memenuhi kedua-dua pihak. Barangkali usaha ini boleh dilaksanakan oleh

Lembaga ini untuk mengadakan pusat-pusat jualan yang tertentu sebagai perantaraan kepada kedua-dua pihak.

Saya juga berpendapat bahawa seharusnya dasar-dasar mengeluarkan lesen untuk memproses juga disemak supaya kilang-kilang itu ditempatkan dimana mereka boleh mendapat balak-balak dengan lebih teratur dan berpanjangan. Dengan ini dapat menjimatkan perbelanjaan pengangkutan dan kilang-kilang dapat diuruskan dengan lebih licin dan teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan ada mengumumkan dasar-dasar berhubung dengan pembinaan rumah daripada kayu dan untuk memberi perangsang supaya dasar-dasar ini dilakukan dengan teratur, maka saya berpendapat bahawa seharusnya cara-cara pembekalan dan harga diimbang dan diselaraskan di antara pasaran dunia dan pasaran dalam negeri supaya matlamat Kerajaan dalam perkara ini dapat tercapai. Saya suka juga menyentuh berhubung dengan penyertaan bumiputra yang mana setahu saya banyak mempunyai kawasan-kawasan balak, tetapi kurang sangat dalam perusahaan memproses dan juga mengeksport. Sungutan-sungutan daripada mereka juga terdengar bahawa pasaran bagi mereka sangatlah terhad yang mana pengusaha-pengusaha perkilangan tidak memberi kerjasama yang sewajarnya. Saya juga berpendapat ini adalah satu issue yang merbahaya dan sangat dikesalkan. Saya menyambut baik pengakuan Yang Berhormat Menteri bahawa Lembaga ini akan memberi keutamaan dan akan memainkan peranan yang lebih aktif berhubung dengan penyertaan bumiputra yang mana berkehendakkan tunjuk ajar, nasihat, kemudahan kredit dan juga pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada menyuarakan berhubung dengan pokok-pokok getah yang mana di bawah penyelidikan yang telah diusahakan oleh Pusat Penyelidikan Getah (RRI) bahawa pokok-pokok getah adalah sesuai sebagai bahan-bahan untuk diproses. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rancangan-rancangan tanam semula getah di bawah Kementerian Perusahaan Utama melalui RISDA, saya juga berharap dan yakin bahawa Yang Berhormat Menteri akan mempergiatkan lagi usaha ini dan mengawasinya supaya pekebun kecil

yang mempunyai kebun getah itu dapat mengambil bahagian dan menikmati hasil daripada kebun mereka.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

4.51 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri berkenaan. Di samping itu, saya amat berharap, sebagaimana diharap oleh Ahli dari Telok Anson, walaupun kita akan mengeksport kayu keluar negeri, tetapi patutlah juga kita timbang keperluan pengguna kayu dalam negeri pada hari ini.

Saya dapati pengguna kayu dalam negeri berasa sedih dan sangsi bila mereka hendak menggunakan kayu, pihak pengilang tidak mengambil berat, sebab mereka mengambil kesempatan untuk membuat keuntungan yang banyak. Kita juga maklum pihak Kerajaan kita berharap sangat supaya binaan rumah juga dibuat daripada kayu, dengan sebab itu saya berharap Lembaga tersebut mengambil perhatian seperti kata wakil dari Telok Anson bahawa eksport patut dihadkan kepada kayu tertentu dan diberikan keistimewaan kepada pengguna dalam negeri.

Berkenaan kayu ini juga saya dapati ada di antara kilang-kilang yang terletak tidak berjauhan, harganya tidak bersamaan, misalnya, sebuah kilang menjual harga papan \$1.50 sedangkan satu kilang lain yang tidak berjauhan harganya \$2.10—60 sen perbezaannya. Begitulah harga kayu-kayu yang lain. Ada juga di antara pengguna-pengguna yang hendak membeli kayu atau papan tersebut tidak begitu mengetahui harga kayu terutamanya petani. Dalam musim menuai mulai bulan Januari-Mac, harganya melambung tinggi kerana masa itu petani boleh dikatakan sangat memerlukan kayu. Dengan sebab itu, saya harap Lembaga berkenaan supaya menetapkan harga kayu sebagaimana kawalan harga getah gula dan padi oleh badan tertentu.

Saya berharap menjelang Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan membelanjakan beribu juta ringgit untuk faedah rakyat. Saya yakin salah satu daripada projek yang memakan perbelanjaan yang banyak ialah projek pembinaan yang mana tidak boleh dinafikan termasuk penggunaan

kayu, walaupun di dalamnya ada penggunaan batu, dan lain-lain lagi. Jadi dengan sebab itu, sebagaimana dilaung-laungkan oleh Kerajaan hari ini akan memperseimbangkan kedudukan ataupun pendapatan bumiputra, khasnya di bidang industri dan perniagaan, patutlah Lembaga ini khasnya Kementerian mengambil daya-usaha untuk membanyakkan lagi lesen kepada bumiputra, kalau tidak secara perseorangan atau syarikat, maka diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, misalnya, S.E.D.C. Perlis yang sekarang sangat ingin berniaga. Dengan sebab itu, mereka masuk dalam perniagaan simen dan mendirikan kedai barang runcit. Ada orang menyatakan tak patut perbadanan berniaga kedai runcit, sepatutnya kedai semacam itu diusahakan oleh perseorangan. Jadi kalau ada kilang semacam itu seperti yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, saya berpendapat di Perlis patut diadakan galakan daripada Lembaga itu, khasnya daripada Kementerian Perusahaan Utama.

Akhirnya, berkenaan dengan plywood. Saya amat dukacita mendapat rungutan daripada setengah pemborong Melayu dan pengguna plywood kerana plywood disembunyikan oleh pengeluar sebagaimana kopi, gula dan lain-lain. Saya berharap Kementerian berkenaan patutlah mengawasi perkara ini, jangan dibiarkan pengeluar plywood menyorok plywood yang diperlukan oleh pengguna, khasnya pemborong bumiputra. Ini satu kesalahan menyorok barang-barang perlu dengan tujuan mendapat keuntungan besar.

Saya harap dengan jasa baik Menteri berkenaan supaya menolong rakyat, sebab ini satu masalah yang dipikul oleh rakyat pada masa ini.

4.55 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Air Hitam, Parit, Kuala Selangor, Telok Anson, Kemaman dan Kangar yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang yang saya kemukakan pada petang ini.

Saya akan cuba menjawab mana-mana yang difikirkan perlu dan mustahak sahaja dan tidaklah dapat menyentuh tiap-tiap butir

yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab satu persatu, suka saya menjelaskan di sini bahawa pada umumnya, nampaknya ada kekeliruan sedikit di atas soal pemberian lesen. Pemberian lesen untuk perindustrian kayu-kayan itu ada beberapa peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat pembalakan, peringkat kedua ialah peringkat memberi lesen menjalankan pemerosesan kayu gergaji ataupun di peringkat ketiga memproses kayu lapis dan keempat pemeroses kepada bahan-bahan yang sudah siap seperti perabut dan sebagainya. Selain daripada itu, ada beberapa lesen yang berhubungan dengan perindustrian kayu itu termasuklah lesen mengekspot yang hanya satu sahaja merupakan lesen yang dipegang kuasanya oleh pihak Lembaga Perindustrian kayu-kayan. Yang lain-lain itu lesen ini ialah dipegang oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan dipegang oleh Kerajaan Negeri mengikut nasihat samada Jabatan Hutan ataupun Lembaga Perindustrian Kayu, tetapi kebanyakan nasihat tersebut daripada Jabatan Perhutanan. Oleh sebab itu, kuasa yang ada di tangan saya sebagai Menteri Perusahaan Utama memanglah jelas terhad. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Perindustrian Kayu bersama-sama dengan pihak Jabatan Hutan sedang menggubal beberapa peraturan dan mengambil beberapa langkah untuk mengkoordinasikan pada keseluruhannya perindustrian kayu supaya soal pengeluaran dan pemasaran serta soal pemerosesan bahan yang sangat penting di dalam negara kita ini akan dapat dilicinkan untuk kepentingan dalam negeri ataupun keperluan pasaran luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal penstabilan harga kayu-kayan. Kalau dikehendaki harga kayu-kayan diperingkat kayu balak, suka saya menyatakan bahawa pada masa negara kita sedang menghadapi soal harga yang begitu rendah untuk kayu balak di negara kita, beberapa pembalakan di negara kita telah dapat bersama-sama dengan pembalakan-pembalakan di negara-negara Tenggara Asia menukutkan satu Persatuan Pembalakan Tenggara Asia dan dengan kerjasama antara mereka telah dapat mengstabilkan harga balak yang dikeluarkan oleh mereka, terutama sekali daripada Sabah dan Sarawak dari segi pemasaran di negeri Jepun.

Pada keseluruhannya pengeluaran balak daripada Semenanjung Malaysia telah dihentikan di dalam beberapa tahun yang lepas, jadi soal harga balak di dalam pasaran luar negeri tidaklah menjadi soal yang besar. Walau bagaimanapun, saya sukar dan berat hati sedikit untuk hendak membuat apa-apa janji di dalam soal penstabilan harga kayu-kayan samada balak ataupun kayu gergaji ataupun kayu lapis dan sebagainya setakat ini oleh sebab masalah-masalahnya sangat rumit dan tidaklah sama boleh dibandingkan dengan masalah yang dihadapi dari segi harga getah dan harga minyak kelapa sawit misalnya ataupun harga bijih timah. Jadi apa-apa juga yang boleh dibuat oleh pihak Lembaga dari segi menentukan harga di dalam negeri seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar umpamanya akan cuba diawasi oleh Lembaga supaya satu sistem boleh didapati untuk memastikan apakah harga yang harus dibeli ataupun dijual oleh sesuatu pihak untuk kepentingan di dalam negeri. Di luar negeri setakat ini tidak dapat dipastikan oleh sebab beberapa masalah quality ataupun mutu dan sebagainya yang begitu rumit dan pertandingan atau persaingan yang dihadapi oleh negara kita dengan negara-negara yang lain yang mengeluarkan bahan yang sama.

Dari segi kegunaan bahan-bahan kayu-kayan yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa satu projek kerjasama di antara negara-negara ASEAN dan negeri New Zealand sudah pun dilancarkan untuk membuat penyelidikan di atas penggunaan kayu-kayan yang dikeluarkan oleh negara-negara di Tenggara Asia terutama sekali ASEAN dan adalah diharapkan dengan hasil penyelidikan-penyelidikan ini seluruh dunia akan dapat diberi penerangan-penerangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson juga kepada pengguna-pengguna atas apakah kayu yang dikehendaki benar-benar untuk kegunaan apa, supaya setelah dapat dipastikan itu nanti, maka dapatlah kita pastikan pula pasarannya.

Soal pokok yang dihadapi oleh perindustrian kayu pengeksport kita pada masa ini ialah soal pasaran dan soal bagaimana kita harus memperkenalkan kayu-kayan yang di dalam negara kita ini kepada dunia. Setakat ini saya berasa bangga bahawa kayu negara kita ini telah makin lama makin terkenal dan

diterima oleh pengguna di seluruh dunia terutama sekali di negara-negara Barat dan di negara Amerika Syarikat dan di negara Jepun hasil daripada siasatan dan hasil daripada pengumuman, penerangan-penerangan di atas kegunaan kayu-kayu yang dikeluarkan oleh negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kedua yang suka saya sebutkan di sini ialah soal penyertaan bumiputra yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Parit, Kuala Selangor dan dari Kangar dan saya suka menjelaskan bahawa pada keseluruhannya asas yang saya sebutkan tadi penting difahami iaitu kuasa memberi lesen-lesen kepada golongan ini ialah di dalam tangan Negeri. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di sini bahawa dari peringkat memberi lesen eksport kayu, setakat ini ada 726 mengeksport kayu daripada negara kita ini dan daripada 726 ada 108 pengeksport-pengeksport daripada bumiputra. Daripada 108 ini pengeksport kayu balak ialah 63 dan pengeksport kayu gergaji ialah 45 tetapi bukan semuanya 108 ini boleh dianggap 100 peratus dan dapat dipastikan sebagai pengeksport bumiputra, oleh sebab seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri telah mengaku bahawa ada kalangan mereka yang cuma menggunakan nama bumiputra sahaja tetapi dipunyai oleh orang-orang lain. Walau bagaimanapun, kita telah dapat memastikan iaitu yang benar-benar 100 peratus bumiputra yang menjadi pengeksport ialah hanya 81 sahaja daripada 726 itu iaitu yang mengeksport balak 54 dan yang mengeksport kayu gergaji 27. Dan saya suka menyatakan bahawa penyertaan bumiputra ini tidaklah harus dipandang dari segi individu sahaja dan memang ada beberapa badan berkanun yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan khas untuk menjalankan perindustrian kayu-kayan ini iaitu sepertimana jelas kita dapat daripada badan-badan berkanun di dalam Negeri-negeri Pahang, Johor, Trengganu dan sebagainya tetapi saya dukacita sedikit oleh sebab di negeri Perlis belum ada satu perindustrian kayu. Satu daripada sebabnya ialah agaknya kayu kurang sangat di negeri Perlis, makin lama makin banyak di negeri Perlis ini ditanam dengan pokok tebu sahaja nampaknya setakat ini dan itu-pun menjadi pendapatan negeri Perlis yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ketiga yang saya suka menyebutkan di sini ialah soal anggota Lembaga yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Soal ini sebenarnya tidaklah dapat dipastikan mengikut kepuasan hati tiap-tiap seorang, tetapi saya suka menyatakan bahawa sebenarnya ada wakil persatuan kayu-kayan bumiputra yang duduk di dalam Lembaga ini dan adalah diharapkan bahawa Persatuan ini akan dapat bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Melayu dan memberitahu kepada mereka di atas apa yang sedang terjadi di peringkat perindustrian kayu ini dan dengan itu akan dapat bersama-sama dengan Lembaga mengusahakan ataupun memajukan penyertaan bumiputra di dalam perusahaan kayu pada keseluruhannya.

Saya sangat-sangat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang menyatakan bahawa kita tidak harus bertelingkah ataupun bercanggah saya fikir apabila kita menubuhkan satu syarikat. Itulah sebabnya di dalam ucapan saya tadi saya telah menyatakan bahawa hasrat Lembaga menubuhkan satu syarikat untuk membantu consortium bumiputra ialah untuk pada mulanya mengambil bahagian dengan peratus yang tinggi dan dari semasa ke semasa kita akan menurunkan peratus itu dan pada akhirnya akan diserahkan bulat-bulat kepada pihak bumiputra.

Soal penggunaan kayu getah memang menjadi soal yang sedang dibincangkan dengan agaknya hangat dan tertarik di kalangan pengguna-pengguna kayu-kayan dan ini ialah hasil daripada siasatan ataupun penyelidikan yang dibuat oleh R.R.I. dan setakat ini memang ada beberapa usaha yang sedang dibuat untuk meninggikan taraf pengeluaran hasil-hasil daripada kayu getah asli ini dan setakat ini setahu saya ada satu kilang yang mengeluarkan perabut daripada kayu getah. Walau bagaimanapun, tidaklah dapat saya pastikan penyertaan bumiputra dan sebagainya oleh sebab pendirian kilang ialah di dalam tangan Kementerian Perdagangan dan Prindustrian tetapi akan saya sampaikan perhatian-perhatian yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya sangat tertarik kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson yang telah memberi butir-butir yang begitu teknikal. Sebenarnya, saya tidak tahu yang dia ialah seorang taukeh kayu, tetapi walau bagaimanapun saya tidaklah dapat membuat

komen dengan tepat malahan saya suka menyatakan bahawa pada keseluruhannya soal yang dihadapi oleh kita ini ialah berhubung dengan soal grading dan apa juga kegunaan kayu samada kayu itu ada mata kayu atau tidak adalah bergantung kepada pasaran dunia. Kalau dia suka melihat bahawa kita ada heart wood cukup dengan matanya yang dikehendaki menjadi popular maka heart wood yang ada mata itu pun diterimalah, kalau tidak disukai mengikut keadaan pasaran dunia tidaklah pula disukai. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa sistem grading negara kita yang dikenal sebagai N.G.R. kalau tidak salah saya, sangat terkenal di seluruh dunia dan diterima sebagai satu sistem grading yang tinggi mutunya dan mengikut sistem grading inilah maka kayu-kayan kita telah dapat menduduki di dalam pasaran dunia dan menduduki di dalam kepentingan ekonomi kita begitu tinggi pada masa ini.

Berhubung dengan soalan kontrek dan deposit ataupun penyerahan kontrek kepada Lembaga oleh mereka yang mengeksport kayu dan perhatian Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson atas masalah kontrektor-kontrektor pembeli kadangkala tidak menerima kontrek ini; perkara ini akan diawasi oleh pihak kami dan kita akan mengikut nasihat Ahli Yang Berhormat minta bantuan daripada wakil dagang kita di luar negeri. Insya Allah, kalau dapat diperhatikan maka soal ini tidak akan dihadapi oleh kita pada keseluruhannya.

Di dalam soal pasaran di dalam negeri, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telah membangkitkan. Ini saya memang bersetuju bahawa pasarnya sangat penting dan saya suka menyatakan bahawa sebetulnya di dalam lapangan kayu gergaji, 45% sahaja kayu gergaji yang dikeluarkan oleh sawmill-sawmill di dalam negara kita ini diekspot. 55% digunakan di dalam negara kita. Tetapi kadangkala ada lebih permintaan di dalam negeri kadangkala kurang, kadangkala lebih permintaan luar negeri, ini juga ialah bergantung kepada keadaan pasaran dan setakat ini kita tidak bersetuju di atas quota yang hendak dikenakan untuk diekspot ataupun tidak oleh sebab sistem yang ada sekarang ini nampaknya cukup setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi soal-soal yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti menggunakan banyak lagi kayu-kayan untuk bangunan dan sebagainya, kita cuma dapat membuat galakan sahaja. Tetapi saya suka menyatakan bahawa ini adalah berhubung dengan undang-undang pembangunan atau pembinaan bangunan-bangunan dan Kerajaan sedang meneliti soal ini pada keseluruhannya.

Akhir sekali, suka saya menyebutkan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman berhubung dengan dasar kita mengeksploitasi dan memproses kayu-kayan di dalam negara kita ini dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga saya suka menyatakan bahawa pada keseluruhannya Kerajaan sedang mengubal satu peraturan dan dasar untuk diterima oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan berapa luaskah kayu-kayan harus ditebang untuk dieksploitasi dan diproses dan berapa banyak hutan yang harus disimpan dan juga berapa banyak pula harus ditanam dengan pokok-pokok baharu seperti pine dan sebagainya. Dan saya suka menyatakan bahawa cess untuk replanting sudahpun mula dikenakan kepada pengusaha kayu balak untuk kita menanam semula untuk memastikan dari segi dan jangka panjang bahawa negara kita ini tidak ketinggalan ataupun kekurangan kayu.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai ditimbangan semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai ditimbangan semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Akta bagi meminda Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak dibacakan bagi kali kedua.

Sebagaimana, Tuan Yang di-Pertua, lebih maklum Universiti Malaya baru-baru ini telah mengeluarkan bagi kali yang pertama pemegang-pemegang Ijazah Undang-undang Universiti Malaya. Tetapi malangnya pemegang-pemegang Ijazah Undang-undang Universiti Malaya ini, pada masa ini tidak layak diterima sebagai Peguambela-peguambela dan Peguamcara-peguamcara di bawah Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak. Manakala pemegang-pemegang Ijazah Undang-undang Universiti

Singapura adalah layak diterima sebagai Peguambela-peguambela bagi Sabah dan Sarawak. Sebaliknya, pemegang-pemegang Ijazah Undang-undang Universiti Malaya pula adalah layak diterima sebagai Peguambela di bawah Akta Profesyen Undang-undang kita.

Memandangkan bahawa kedudukan yang didapati di Sarawak dan di Sabah ini tidak seimbang dengan kedudukan di Semenanjung Malaysia maka perlulah Undang-undang Ordinan Peguambela Sabah dan Ordinan Peguambela Sarawak itu dipinda supaya pemegang-pemegang Ijazah Undang-undang Universiti Malaya layak diterima sebagai Peguambela di bawah Ordinan-ordinan Peguambela Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Uslu dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENDAFTARAN DAN PELESENAN MINYAK KELAPA SAWIT (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan

Minyak Kelapasawit (Perbadanan) 1976 untuk bacaan kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormt, syor untuk menubuhkan Rang Undang-undang Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit (Perbadanan) 1976 yang telah dirangkakan ini ialah hasil dari syor-syor yang telah dikemukakan oleh Pasukan Petugas mengenai Pemasaran Minyak Kelapasawit yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Seterusnya di dalam merangkakan Rang Undang-undang ini pihak Kementerian ini telah mengadakan rundingan-rundingan lanjut dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkaitan secara langsung dengan perusahaan kelapa-sawit di dalam sektor penanaman, pemerose-san, penapisan serta pihak-pihak penjual minyak kelapa sawit. Pihak-pihak yang mewakili kepentingan perusahaan kelapa sawit tersebut adalah seperti Majlis Penanam-penanam Minyak Kelapasawit (O.P.G.C.), Persatuan Pengeluar-pengeluar Minyak Kelapasawit Malaysia Barat (M.P.O.P.A.), Persatuan Pengeluar Minyak Kelapasawit Malaysia Timur (E.M.P.O.P.A.) dan Persatuan Penapis-penapis Minyak Kelapasawit Malaysia (FORUM). Pada asasnya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membolehkan pihak Kerajaan bagi mengawal dan menggalakkan pemasaran minyak kelapa sawit mentah, separuh ditapis, isi kelapa sawit dan buah tandan baru. Seterusnya Rang Undang-undang ini juga akan membolehkan pihak Kerajaan mengawasi semua amalan-amalan yang berkaitan dengan pembekalan, penjualan, pembelian, pembahagian, pergerakan, pengangkutan, penyimpanan, eksport dan impot bahan-bahan tersebut.

Semenjak Malaysia mulai mempelbagai-kannya ekonomi kita selepas kemerdekaan, perusahaan minyak kelapa sawit telah mencapai kemajuan dengan kadar yang pesat. Sehingga tahun 1960 hanya sejumlah 135,016 ekar sahaja telah ditanam dengan kelapa-sawit, tetapi angka ini telah meningkat kepada 1.49 juta ekar pada penghujung tahun 1975. Adalah dijangkakan bahawa keluasan tanaman ini akan meningkat kepada 1.9 juta ekar dalam tahun 1980. Dari segi pengeluaran minyak kelapa sawit mentah pula, pada tahun 1975 sebanyak 1.25 juta tan telah dihasilkan dan angka ini dijangka

akan meningkat kepada lebih kurang 2.6 juta tan dalam tahun 1980. Dari segi pendapatan eksport perusahaan ini telah meningkat kepada 15.5% dalam tahun 1975 daripada jumlah pendapatan eksport. Daripada jumlah nilai eksport, perusahaan ini adalah menduduki tempat kedua selepas getah asli. Perusahaan getah asli telah menghasilkan sebanyak 22% tukaran asing pada tahun 1975.

Dengan penambahan pengeluaran minyak kelapa sawit, beberapa kilang telah ditubuhkan baru-baru ini untuk menapis dan memproseskan minyak kelapa sawit itu. Setakat ini saya diberitahu sebanyak 45 buah kilang penapis telah diluluskan dan dengan ini keupayaan untuk menapis dan memproseskan minyak kelapa sawit akan bertambah lagi. Dalam tahun 1974 kira-kira 200,000 tan minyak separuh ditapis telah dihasilkan dan jumlah ini telah bertambah kepada kira-kira 350,000 tan pada tahun 1975.

Satu masalah yang penting bagi perusahaan kelapa sawit yang berkembang pesat ini ialah masalah mencari cara-cara mengekalkan keadaan pertandingan dan kecukupannya pada masa hadapan. Sungguhpun perusahaan kelapa sawit akan terus menjadi sumber pendapatan eksport yang kian bertambah penting, tetapi bersama-sama dengan perluasan ini, ia juga menciptakan masalah pengeluaran dan pemasaran. Oleh itu, adalah perlu usaha rancangan tindakan bersama dirangkakan bagi menentukan bahawa perusahaan ini akan berterusan menikmati sebahagian pasaran minyak sayur-sayuran dan lemak yang bertambah pada masa ini. Seterusnya, usaha-usaha penyelidikan lebih lanjut yang diselenggarakan hendaklah juga dijalankan bagi menambah keluaran minyak kelapa sawit dan untuk mengurangkan kos serta memperbaiki mutu minyak tersebut. Dari segi pemasaran pula, langkah-langkah hendaklah dijalankan bagi memperbaiki sistem pemasaran, mempelbagaikan pasaran bagi minyak kelapa sawit, menjalankan usaha-usaha kemajuan pasaran-pasaran yang ada sekarang dan pasaran-pasaran baharu dan memperluaskan kegunaan-kegunaan minyak kelapa sawit pada masa akan datang.

Pemasaran minyak kelapa sawit sehingga 30hb Jun, 1974 adalah dijalankan oleh Persatuan Pengeluar-pengeluar Minyak Kelapa sawit Malaysia (M.P.O.P.A.) yang menggunakan sistem kumpul. Di dalam sistem ini harga-harga minyak kelapa sawit

adalah ditetapkan oleh M.P.O.P.A. Pemberhentian penggunaan sistem tersebut adalah kerana beberapa kelemahan yang terdapat di dalamnya. Di antara kelemahannya ialah sistem tersebut telah menyebabkan minyak kelapa sawit Malaysia kerap kali terpaksa dijual dengan harga yang tidak mengikut turun-naik harga minyak sayur-sayuran dan lemak dipasaran yang merupakan penanding bagi minyak kelapa sawit. Disamping itu sistem tersebut juga menggunakan proses penyamaan pendapatan iaitu dalam mana semua penjualan oleh wakil penjual adalah disamakan dikalangan pihak-pihak perkapalan (shipping parties). Adalah didapati bahawa amalan ini memberikan keuntungan kepada pihak penjual yang kurang cekap dan pada keseluruhannya amalan ini tidak menggalakkan penjual-penjual memperolehi harga yang lebih tinggi. Sistem ini telah diberhentikan atas syor-syor oleh Pasukan Petugas mengenai Minyak Kelapa sawit oleh kerana didapati cara menetapkan harga dan amalan penyamaan pendapatan adalah tidak rialistik. Mulai 1hb Julai, 1974 suatu sistem pemasaran iaitu sistem pemasaran bebas telah digunakan. Di dalam sistem ini pengeluar-pengeluar adalah menjualkan keluarannya dengan harganya sendiri yang berpandukan tingkat harga yang turun-naik di pasaran. Sistem ini adalah memberikan insentif kepada pengeluar-pengeluar untuk memperbaiki keluarannya dengan tujuan untuk mendapatkan harga yang paling baik.

Keseluruhannya sistem ini adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan sistem-sistem yang terdahulu tetapi walau bagaimanapun oleh kerana terdapat unsur-unsur pemasaran bebas di dalamnya, ia boleh menyebabkan pihak-pihak yang terlibat di dalamnya melakukan amalan-amalan pemasaran yang tidak sihat yang mana boleh memburukkan imej perusahaan kelapa sawit negara kita. Walau bagaimanapun perkara ini bukanlah merupakan suatu masalah yang besar untuk diatasi dan dengan kerjasama semua para penjual maka kelemahan ini telah dapat diminimalkan demi menjaga nama baik perusahaan kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan fakta-fakta di atas, maka Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak

Kelapasawit (Perbadanan) 1976. Penubuhan Lembaga ini di antara lain adalah mempunyai matlamat seperti berikut:

- (a) Menggalak pemasaran minyak kelapa-sawit yang lebih cekap dengan mengawasi aktiviti-aktiviti pembekalan, penjualan, pembelian, pembahagian, pengangkutan, penyimpanan, eksport dan import minyak kelapa-sawit, buah tandan baru dan isi kelapa-sawit.
- (b) Mengkaji dan merancang kemajuan kemudahan-kemudahan penyimpan dan lain-lain kemudahan untuk memenuhi keperluan perusahaan minyak kelapa-sawit pada masa hadapan.
- (c) Melaksanakan langkah-langkah bagi mengawasi dan mengekalkan kedudukan mutu tinggi minyak kelapa-sawit Malaysia.
- (d) Menyelaraskan dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan atau menggunakan minyak kelapa-sawit bertapis.
- (e) Mengawasi kepentingan pekebun-pekebun kecil yang berkaitan dengan pengeluaran dan harga buah tandan baru.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah terbahagi kepada 5 bahagian iaitu:

- (i) Pendahuluan.
- (ii) Penubuhan, tugas dan kuasa Lembaga
- (iii) Kewangan, laporan dan pengawasan oleh Menteri
- (iv) Penguatkuasaan
- (v) Umum.

Di dalam Bahagian I tafsiran minyak kelapa-sawit adalah meliputi minyak kelapa-sawit mentah atau minyak kelapa-sawit yang separuh ditapis seperti yang terdapat di dalam seksyen 2 Rang Undang-undang tersebut. Tujuan memasukkan peruntukan minyak kelapa-sawit separuh ditapis adalah untuk membolehkan Lembaga tersebut mengawal amalan-amalan yang berkaitan dengan pemasaran minyak tersebut yang dijual sebagai bahan mentah bagi pembuatan barang-barang akhir yang berasal daripada minyak kelapa-sawit.

Untuk menentukan kelicinan perjalanan Lembaga, Bahagian II adalah membuat peruntukan mengenai penubuhan, tugas dan

kuasa-kuasa Lembaga. Seksyen 4 pula adalah memberi kuasa kepada Menteri melantik pengerusi dan ahli-ahli Lembaga. Seramai 5 orang wakil daripada sektor awam dan seramai 4 orang wakil yang mewakili kepentingan perusahaan kelapa-sawit akan dilantik menjadi ahli. Di samping itu untuk memelihara kepentingan perusahaan kelapa-sawit keseluruhannya dan juga di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, maka seksyen yang sama membuat peruntukan perlantikan tidak lebih daripada 4 orang lagi bagi mewakili lain-lain kepentingan perusahaan-perusahaan kelapa-sawit dan juga kepentingan negeri-negeri yang saya sebutkan tadi. Walaupun diperhatikan bahawa jumlah ahli-ahli yang akan dilantik untuk menduduki di dalam Lembaga tersebut tidak ramai, tetapi ini adalah dirasakan memadai dan wajar untuk menjamin kelicinan perjalanan Lembaga tersebut. Di samping itu ingin saya tegaskan untuk mengimbangi jumlah keahilan yang tidak besar itu maka saya akan menentukan bahawa mereka yang akan dipilih nanti adalah terdiri daripada orang-orang yang berkalibar dan berpengalaman.

Seksyen 11 di dalam Rang Undang-undang tersebut adalah menerangkan dengan jelas fungsi-fungsi Lembaga tersebut. Adalah jelas bahawa fungsi-fungsi tersebut adalah bertujuan untuk aktiviti-aktiviti yang telah saya sebutkan tadi. Seterusnya Lembaga tersebut akan memajukan pemasaran dan pengendalian bahan-bahan tersebut.

Selain daripada itu adalah menjadi fungsi Lembaga tersebut untuk memperbaiki cara-cara penyimpanan dan perkapalan minyak kelapa-sawit. Di dalam menjalankan fungsi-fungsi tersebut Lembaga ini akan bekerjasama dengan badan-badan lain yang berkaitan dengan penggunaan dan pengeluaran minyak kelapa-sawit untuk memesatkan lagi kemajuan perusahaan ini. Untuk membolehkan Lembaga mencapai tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 11, maka seksyen 12 di dalam Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan yang sesuai bagi mengawal amalan-amalan pemasaran minyak kelapa-sawit. Peraturan utama yang akan digunakan ialah dengan cara mendaftar dan melesen pihak-pihak yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Pendekatan-pendekatan lain adalah dengan mengadakan peraturan-peraturan yang teratur dan tertentu untuk

membolehkan Lembaga menjalan tugas-tugasnya menurut seksyen 11. Bagi menentukan penguatkuasaan secara berkesan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga, maka seksyen 13 adalah memberi kuasa kepada Lembaga untuk menggantung lesen bagi mereka yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga. Seksyen ini walau bagaimanapun akan memberi peluang kepada mereka yang lesen-nya akan digantung memberikan sebab-sebab kenapa lesen mereka tidak harus digantung. Mereka yang tidak berpuashati di atas keputusan Lembaga terhadap penggantungan lesen tersebut bolehlah merayu kepada Menteri untuk dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, keputusan akhir Menteri adalah muktamat.

Untuk membolehkan Lembaga ini membiayai diri sendiri dalam operasinya, maka peruntukan di dalam seksyen 15 akan membolehkan Lembaga tersebut menubuhkan sebuah tabung yang dinamakan "Tabung Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapasawit". Selain daripada itu memandangkan kemajuan yang sangat pesat di dalam perusahan ini pada masa hadapan, maka adalah perlu untuk menjaminkan penyelidikan minyak kelapasawit dapat dijalankan dengan berkesan dan memuaskan. Oleh hal yang demikian, wang yang dikumpulkan di dalam Tabung Penyelidikan Minyak Kelapasawit yang mungkin ditubuhkan di bawah Seksyen 15(5) akan digunakan untuk bidang ini. Di antara bidang penyelidikan yang harus ditekankan pada masa hadapan ialah seperti mencari kegunaan-kegunaan baharu bagi minyak kelapasawit serta juga cara-cara pemerosesan yang lebih baik atau baharu. Tujuan menjalankan penyelidikan tersebut di antara lain adalah untuk memesatkan lagi pemasaran minyak kelapasawit dan mempelbagaikan kegunaan dan memperluaskan pasaran minyak kelapasawit. Seksyen 17 dan 18 Rang Undang-undang ini pula akan membolehkan Lembaga tersebut membuat peminjaman dari Kerajaan atau pun lain-lain institusi kewangan untuk membiayai perjalanannya serta juga membuat pelaburan.

Bahagian IV yang membincangkan soal penguatkuasaan, memperuntukkan bahawa kuasa-kuasa dan cara-cara penguatkuasaan undang-undang tersebut adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai Lembaga atau oleh pihak-pihak yang diberi kuasa bagi menjalankannya. Kuasa-kuasa mereka adalah

dinyatakan dengan jelas untuk membolehkan pelaksanaan tugas mereka dengan lebih licin.

Adalah perlu bagi Lembaga tersebut mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang perlu di dalam menjalankan tugasnya. Peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Bahagian V Rang Undang-undang ini adalah menjelaskan perkara tersebut. Mana-mana pihak yang enggan mendedahkan maklumat tersebut boleh dikenakan satu denda umum. Peruntukan di dalam seksyen 30 di dalam Rang Undang-undang ini menjelaskan tentang cara mana sesuatu maklumat itu boleh didedahkan dengan cara sewajarnya. Peruntukan-peruntukan di dalam bahagian ini juga membentangkan dengan jelasnya kuasa-kuasa Menteri di dalam mengeluarkan arahan-arahan tersebut seperti yang tersebut di dalam seksyen 40 dan seksyen 41.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca pada kali yang kedua dan diluluskan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 42 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada Mesyuarat Keempat, Dewan Rakyat Penggal Pertama, satu Rang Undang-undang bernama Kanun Acara Jenayah (Pindaan) dan (Perluasan), 1976 telah dibentangkan dalam Dewan. Satu daripada tujuan yang terkandung dalam Rang Undang-undang itu ialah bagi menyamakan kedudukan pentadbiran Kanun Acara Jenayah di seluruh Malaysia. Sebelum Undang-undang Kanun Acara Jenayah Negeri Melayu Bersatu (Bab 6) di Semenanjung Malaysia dipinda dan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak, Negeri Sabah dan Sarawak ada Kanun Acara Jenayah mereka sendiri. Dalam proses pindaan dan perluasan itu tidak ada masalah yang timbul pada masa Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan) dan (Perluasan) dibentangkan dalam Parlimen Keempat, Mesyuarat Keempat Penggal Pertama. Oleh yang demikian, tindakan tidak diambil pada masa itu untuk memasukkan pindaan dalam Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah yang telah dibentangkan dalam Dewan ketika itu. Pindaan-pindaan ini adalah dibuat:

- (a) Untuk menyelaraskan pindaan-pindaan kepada Kanun Acara Jenayah dengan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini dibuat dengan cara memasukkan perkataan "or Chief Minister, or in the case of the Federal Territory the Minister responsible for the Federal Territory, as the case may be" selepas perkataan-perkataan "Menteri Besar" di mana juga perkataan-perkataan "Menteri Besar" terdapat dalam Kanun Acara Jenayah dan dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ruler of the State" di mana juga perkataan-perkataan itu terdapat dalam Kanun Acara Jenayah dengan perkataan-perkataan "the Yang di-Pertuan Agong in respect of the Federal Territory, the Ruler or the Yang di-Pertua Negeri of the State, as the case may be, in respect of a State".

- (b) Dengan menambah satu Seksyen kecil (v) pada Seksyen 112 supaya pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah Seksyen 112 itu samada atau tidak amaran telah diberi kepadanya di bawah seksyen 113 (1) diambil di mana boleh dengan cara bertulis dan ditandatangani atau diturunkan cap ibu jari oleh orang yang membuat pernyataan itu selepas pernyataan tersebut dibaca kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya dan selepas ia diberi peluang membuat apa-apa pembetulan yang dikehendakinya; dan

- (c) Dengan memotong Seksyen kecil (ia) di bawah Seksyen 376 dan memotong perkataan-perkataan "or, subject to his directions (if any) the Director of Public Prosecutions in Sabah or Sarawak, as the case may be." di mana jua perkataan-perkataan itu terdapat dalam Seksyen kecil (iii) Seksyen 376.

Pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk menyamakan kedudukan Timbalan Pendakwa Raya di bawah Kanun Acara Jenayah di Sabah dan Sarawak dengan kedudukan Timbalan Pendakwa Raya di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mokhtar bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.44 ptg.

Tuan Ngan Siong Hin (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin memberitahu oleh kerana Criminal Procedure Code yang asalnya di dalam bahasa Inggeris, dan ini ada banyak perkataan yang technical, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memberi saya izin berucap dalam bahasa Inggeris

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sampai pada tempat yang technical, minta izin waktu itu.

Tuan Ngan Siong Hin: Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak boleh beri reason

Tuan Yang di-Pertua: Cuba dalam Bahasa Kebangsaan dahulu. Bila sampai kepada tempat yang technical sebut dalam bahasa Inggeris. Saya tengok boleh benar atau tidak.

Tuan Ngan Siong Hin: Sangat susah. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terperanjat kerana nampaknya sekali lagi Menteri Undang-undang akan membuat pindaan yang baru ini di atas Seksyen 112, Criminal Procedure Code.

Tuan Yang di-Pertua: 112 itu dalam Bahasa Kebangsaan senang sangat. Satu, satu dua.

Tuan Ngan Siong Hin: Satu, satu, dua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca Seksyen 3 ini:

"3. Section 112 of the Code is amended by adding thereto the following new subsection (v)—

"(v) A statement made by any person under this section whether or not a caution has been administered to him under section 113 (1) shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print as the case may be, after it has been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make any corrections he may wish."

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini adalah panjang. Saya nampak lebih kurang ada 60 perkataan dalam seksyen ini dan ada satu full-stop sahaja. Tetapi ada dua tiga comma. Contohnya, selepas perkataan "shall" ada dua perkataan "whenever possible". Apa ertinya "whenever possible."? Bila seorang kena tangkap, kalau Polis berkehendakkan statementnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dengarlah bila Yang Berhormat Menteri menjawab. Tunggu sahajalah!

Tuan Ngan Siong Hin: Apa ertinya "whenever possible" ini. Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya nampak seksyen ini tidak jelas atau dalam bahasa Inggerisnya very weak dan ini satu pindaan berkaitan dengan hak-hak seorang yang kena tangkap.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pindaan yang serious. Jika kita ikut Rule of Law saya fikir pindaan itu mestilah dibatalkan. Ini ada kaitannya dengan hak-hak

seorang warganegara dan inipun saya percaya melanggar Constitution. Sebab itu, sayapun tidak faham mengapa Menteri Undang-undang selalu buat pindaan seperti ini yang kita tidak suka. Pada masa Budget Session dahulu Menteri pun ada membuat satu pindaan untuk to amend the Criminal Procedure Code iaitu Seksyen 113. Dengan sebab adanya seksyen baru ini peguam-peguam (criminal lawyers) susah hendak mencari makan sekarang. Sebab bila seseorang kena tangkap atau the prisoner or the accused or the arrestee is arrested dia beri statement. Bila pergi court, Prosecuting Officer membaca statement itu. Kalau the accused itu kata itu bukan statementnya, Prosecuting Officer tender itu sebagai jadi evidence. Ini tidak patut, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ikut Rule of Law kita tidak boleh pinda selalu undang-undang ini. Ini untuk apa? Saya pun tidak tahu. What is the purpose of this amendment?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa benarkan bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Ngan Siong Hin: Tadi saya sudah beritahu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya. Hanya technical sahaja. Jangan fikir saya tidak tahu apa yang berlaku di sini.

Tuan Ngan Siong Hin: Ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk dahulu. Tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah mengatakan hanya bila sampai pada istilah technical, waktu itu boleh minta izin.

Tuan Ngan Siong Hin: Tadi pun technical.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukan technical. Tidak ada izin. Kalau tidak saya tidak benarkan bercakap lagi.

Tuan Ngan Siong Hin: Saya mahu tahu apa tujuan dibuat pindaan itu dan Menteri hari ini tidak berani datang ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata technical. Nampaknya saya minta Menteri beri saya penjelasan mengapa ada dua comma between "shall" dan "whenever possible". Bila seorang kena tangkap saya

ingin tahu bolehkah atau tidak Polis ambil statementnya ataupun buat satu statement untuk Polis. Jadi, ini nampaknya tidak patut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bila seorang masuk lock-up dan police interview dia, bolehkah Menteri jamin (guarantee) police detectives atau police officers langsung tidak threat. Bolehkah jamin atau tidak boleh? Saya ada bukti, Tuan Yang di-Pertua, bila seorang kena tangkap dan masuk lock-up, dia kena hentam dengan berbagai-bagai sistem of torture, candle. Ini serupa juga masa Jepun dahulu. Bolehkah Menteri jamin, police won't torture, jangan torture

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tak benarkan bercakap bahasa Inggeris atas perkara-perkara yang mudah melainkan teknik sahaja.

Tuan Ngan Siong Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu perkataan untuk torture

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tahu Ahli Yang Berhormat tahu, tetapi suka main-main sahaja di Dewan ini.

Tuan Ngan Siong Hin: Saya bukan main-main, saya mahu beri pandangan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu perkataan torture, bukan saya tak mahu menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya dengar, cuba teruskan!

Tuan Rais Yatim: Point of order. Sebagai seorang peguam beliau mesti tahu keseksaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua (Kepada Tuan Ngan Siong Hin): Bila point of order, duduk.

Tuan Rais Yatim: Beliau mengatakan tidak faham tentang "torture", tetapi keseksaan iaitu satu perkataan yang ada dalam Kanun Keseksaan yang sentiasa beliau itu gunakan sebagai peguam. Kenapa tak tahu perkataan seksa—torture?

Tuan Ngan Siong Hin: Itu tak ada kaitan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada kaitannya. Ada hubungannya, torture itulah keseksaan. Teruskan bercakap.

Tuan Ngan Siong Hin: Kalau perkataan ini ada dalam Bahasa Kebangsaan, itu bukan saya tak tahu. Kalau seorang tak tahu perkataan itu, tak tahulah, Tuan Yang di-Pertua. Apa dia mahu tuduh saya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan itu sahaja.

Tuan Ngan Siong Hin: Sebab itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Kalau hendak bercakap, cakap betul-betul. Kalau one hundred and thirteen pun tak tahu, police officer pun tak tahu, saya biar-kan juga; jangan cuba berhujjah dengan Pengerusi. Teruskan.

Tuan Ngan Siong Hin: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada bercakap adalah dengan hak warganegara dan langkah Perlembagaan kita. Jadi nampaknya seksyen 112 itu bila dipinda mesti mahu masukkan satu ayat yang berbunyi dalam bahasa Inggeris seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, minta izin lagi sekali.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Ngan Siong Hin:

"(v) A statement made by any person under this section whether or not a caution has been administered to him under section 113 (1) shall, whenever possible, be taken down in writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print as the case may be, after it has been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make any corrections he may wish and a copy of the statement so made by the person who signed it should be given to him."

Itulah ada satu pindaan yang saya cadangkan. Jika tidak, mana kita tahu bila seorang kena tangkap, bila polis atau mata gelap takutkan dia dalam lock-up, apapun dia cakap. Bila seorang kena tangkap, dia bukan seorang peguam, Tuan Yang di-Pertua, dia bukan polis, dia tak tahu apa ini undang-undang. Jadi, bila polis takutkan dia, apapun dia cakap apabila polis tulis dalam statement. Di sini kalau macam itu apakah guna lagi Undang-undang Jenayah (Criminal Law)? Tak guna lagi. Nampaknya bila seorang kena tangkap, dia tentu kalah bila

pergi court. Kita boleh ambil Queen's Counsel, David Marshall pun tentu kalah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa tujuan Kerajaan? Adakah ini bukan satu perkara yang dilangkah dengan hak? Ini adalah dilangkah dengan Rule of Law, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sangat hairan yang Rang Undang-undang itu belum dikemukakan ke Bar Council dan Bar Council belum buat apa-apa pandangan. Tentulah kalau kita mahu sangat Rule of Law yang baik, kita mahu rakyat menghormati undang-undang, Bill ini mesti diedarkan kepada Bar Council. Dan tanyalah pandangan yang bijak dari peguam-peguam yang pandai. Nampaknya banyak jelas, bila saya kena tangkap esok, polis tanya saya, saya tahu apa saya mahu cakap, apa yang saya tak mahu cakap, saya tahu, sebab saya ada sedikit knowledge undang-undang, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bila seorang lacang puteh seller atau mee seller kena tangkap polis tanya: awak apa buat? Semua dituliskan. Esok pergi court, statement itu dia sudah tandatangani. Bila sudah tandatangan, ini menunjukkan apa dia cakap, polis rekod. Ini tidak "autah" atau korap. Ini semua betul. Jadi mana boleh lagi lawan kes itu, Tuan Yang di-Pertua. Apa lagi gunanya mahu mahkamah jenayah, tak guna lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini with or without consent. Jadi, apa yang seorang cakap pun boleh jadi evidence atau bukti-bukti. Sebelum pindaan ini dahulu, ada dua jenis: satu statement yang ada caution, satu tidak ada caution, lain confession—ada jenis-jenisnya. Sekarang dengan pindaan itu semua statement jadi bukti bila seorang sudah tandatangani.

Ini tidak patut. Kalau ada masyarakat yang ikut undang-undang patutlah itu dibatalkan. Itu mesti dibuang pindaan itu. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh ambil perhatian berkenaan dengan perkara ini dan saya pun mahu tahu mengapa satu seksyen yang lebih panjang, lebih kurang 50 perkataan satu full-stop sahaja, dua tiga comma, apa itu? Jadi, sekarang tak guna, court semua tak guna. Court Jenayah tak guna. Bila seorang kena tangkap mesti kalah kesnya. David Marshall datang pun kalah, Dinglefoot datang, semua mesti kalah. Ini tujuan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Apa ini? Ini Rule of Law kah? Ini bukan Rule of Law. Ini misrule. Ini bukan Rule of Law. Ini "autah" punya Rule of Law, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: "Autah" ini apa?

Tuan Ngan Siong Hin: "Autah" means tidak benar, tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cakap tak benar. Yang Berhormat duduk dahulu! Dewan ini Dewan yang mulia dan terhormat. Jadi, saya harap perangai Ahli-ahli Yang Berhormat pun terhormat dan perkataan yang dikeluarkan pun perkataan-perkataan yang terhormat. Faham? Itu ingatan dari saya.

Tuan Ngan Siong Hin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di muka 2 di bawah tajuk Huraian dalam bahasa Inggeris dan saya minta izin hendak baca sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Ngan Siong Hin:

"Clause 3 seeks to introduce an amendment to section 112 by adding a new sub-section (v) so that a statement made by any person under that section i.e. section 112, whether or not a caution has been administered to him under section 113(1), would whenever possible be taken down in writing and signed by him or affixed with his thumb print after it has been read to him in a language intelligible to him and after he has been given an opportunity to make any correction as he may wish. With this amendment (inilah mustahak) a lot of argument would be saved in Court whenever an accused challenges the record of his statement made by him to a police officer."

Apa pindaan ini, apa penjelasan ini?

Pindaan ini dibawa oleh kerana Kerajaan hendak save argument di Mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, ini pindaankah? Ini tidak betul. Inilah tujuan Kerajaan membawa pindaan itu. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mahu dengar argument-argument di Mahkamah. Itu sahaja bukan kerana lain-lain fasal. Inikah Rule of Law? Ini bukan pandangan saya, ini ada di dalam black and white. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah habis bercakap?

Tuan Ngan Siong Hing: Ya.

6.02 ptg.

Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit dalam Criminal Procedure Code (Amendment) Bill. Saya rasa baharu tidak lebih daripada enam ataupun tujuh bulan Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada membuat pindaan kepada Seksyen 113. Pindaan itu sudah mengambil freedom ataupun kuasa sesiapa yang akan kena tangkap dalam Mahkamah.

Apabila seseorang itu kena tangkap oleh polis dan ditahan selama satu minggu ataupun dua minggu, peguam-peguam tidak boleh berjumpa dia. Sekarang saya nampak Menteri Undang-undang meminda Seksyen 112. Saya berharap pindaan ini dikenakan pada perbicaraan Datuk Harun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kes ini masih dalam timbangan Mahkamah, tidak usah disebut.

Tuan Rasiah Rajasingam: Tuan Yang di-Pertua, kes itu masih *sub judice*. Kalau saya sentoh tentang pindaan kepada Seksyen 112, bukanlah saya bercakap mengenai kes Datuk Harun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi saya mengingatkan fasal Yang Berhormat sudah sebut kes itu, jangan dibawa.

Tuan Rasiah Rajasingam: Saya sekarang seorang peguam. bukan saya mahu cari makan. Saya seorang Ahli Bar Council, Majlis Peguam sendiri sudah baca Seksyen ini dan kita fikir sekarang Yang Berhormat Menteri Undang-undang mahu perbicaraan tanpa peguam. Kalau pindaan ini diluluskan dalam Dewan ini, peguam hendak bicarakan kes jenayah tidak guna lagi.

Kita panggil orang salah, samada dia salah ataupun tidak salah, mengaku salah. Itu sahaja peguam boleh buat dalam kes jenayah. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang atau Parliamentary Draftsman, saya sendiri fikir Parliamentary Draftsman yang buat amendment ini sendiri tidak tahu apakah consequences yang akan jadi. Dalam masa dua tahun ini sahaja kita

dapat amendments macam ini, dalam Criminal Procedure Code. Sesiapa peguam yang buat kes jenayah boleh faham consequencenya. Kita di Malaysia sampai hari ini percaya on the principle of rule of law. Saya nampak kita sudah pinda Seksyen 113 pada 7hb Januari, 1976. Itu sudah maximum. Sekarang pinda Seksyen 112, kita jadi seperti negeri Indira Gandhi—India.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Rasiah Rajasingam: Saya minta maaf.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Standing Orders tidak membenarkan menyebut sesuatu tentang negara-negara sahabat.

Tuan Rasiah Rajasingam: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik balik cakap fasal Indira Gandhi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terima kasih

Tuan Rasiah Rajasingam: Saya sekarang minta kepada Timbalan Menteri Undang-undang yang ada di sini bolehkah kita defer amendment ini sampai Majlis Bar Council dan peguam-peguam buat comments? Saya buat permintaan ini fasal kita dan Kerajaan ini atau Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya (Deputy Public Prosecutor) ataupun Pegawai Polis (Prosecuting Officer) jadi senang.

Kita takut satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, orang tidak buat salah kena tangkap, masuk dalam police lock-up satu atau dua minggu Pegawai Polis tidak benarkan kita jumpa. Saya sudah faham ini, saya buat kes jenayah. saya buat kes jenayah 90% tidak benarkan jumpa. Saya tidak cakap semua Pegawai Polis jahat. Kita tahu mereka ada "iron men". Orang salah buat statement, saya bukan takut. orang salah bagus, dia lawan kes itu. dia kena hukum, dia boleh pergi penjara. Saya takut satu sahaja orang tidak salah kena tangkap, ada Pegawai Polis yang hati sakit dengan dia. Dia suruh orang itu buat satu statement dalam Seksyen 112. Ini 112. Tuan Yang di-Pertua, yang belum dipinda jadi saksi, sekarang dia boleh tukar mula-mula dia buat statement, dia cakap "you jadi saksi, you jangan takut, kita bukan hendak you masuk

dalam penjara." Setelah dapat statement itu, dia charge ataupun buat satu charge, terhadap orang itu. Jadi, kita tidak boleh buat apa-apa. Timbalan Pendakwa Raya senang hati. Kita kena mengaku salah, Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu kita bolehlah merayu mengatakan dia orang tua, ada tujuh anak, ada dua bini, emak dan bapa sudah tua. Oleh ini, kita minta Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri tolong defer pindaan Seksyen 112 ini sehingga Majlis Peguam-peguam dan lain-lain peguam-peguam berunding. Itu saya minta. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.11 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun hujah-hujah yang amat bersemangat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jelutong saya mengucapkan terima kasih.

Pertama, keadilan dalam kepala masing-masing akan hilang kalau kita bercakap dengan penuh emosi, jadi kita perlu objective dalam memberi teguran atau criticism kepada mana-mana Bil. Saya berani menyoalkan setiap kali Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang setiap kali tohmah dan juga perkataan-perkataan yang mengecil-gecilkan usaha adalah dikemukakan. Jadi dalam soal ini, umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kinta memperkatakan oleh kerana sedikit koma atau full-stop, maka Bil ini tidak mencerminkan satu Bil atau Rang Undang-undang yang sesuai dengan pemikiran beliau. Ini bukan satu hujah dari seorang peguam, kalau seorang peguam bercakap mestilah terus-terang dan menyatakan phrase mana, caluse mana, dan bagaimana perlu kita perbaiki. Dengan kata-kata yang demikian saya tidak dapat menerima bahawa Rang Undang-undang ini lemah atau memberi peluang-peluang yang tidak sihat kepada pihak-pihak yang berkenaan sematamata oleh kerana banyak full-stop, tidak ada full-stop, dan tidak ada koma. Suka saya menerangkan walaupun saya telah sebutkan di masa ucapan pembukaan tadi, iaitu seksyen 112 dalam Akta Kanun Acara Jenayah, ini adalah satu-satunya seksyen

yang sentiasa digunakan dalam mahkamah. Ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa pihak Polis tidak bekerjasama, tidak sama pertimbangan dalam memberikan satu-satu pentadbiran undang-undang atau peluang. Jadi oleh sebab itulah, maka pada masa ini kita memikirkan apabila seseorang itu hendak menyatakan satu-satu pernyataan ataupun pendapatnya, atau pengakuannya samada pengakuan itu adalah dibuat dengan sendiri ataupun setelah difikirkan perlu ditandatangani supaya apabila pembicaraan dilakukan dalam mahkamah tidak ada dulak-dalik lagi, tidak ada masalah-masalah yang bersabit dengan evidence atau bukti lagi oleh kerana itu adalah peluang bagi seseorang warganegara, peluang dan hak kepada seseorang individu menyatakan apa yang dirasakannya ketika satu-satu kes atau satu-satu persoalan itu adalah berhadapan dengannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta juga mengatakan iaitu hak-hak warganegara sudah hilang dengan adanya Seksyen 112 pecahan (v) yang hendak dikemukakan itu. Saya tidak nampak bagaimana hak-hak warganegara itu akan hilang, oleh kerana saya menyatakan sub-seksyen ini adalah dikemukakan bagi faedah individu itu sendiri, bukan bagi faedah orang-orang yang lain yang hendak mendatangkan charge ataupun mendatangkan kesiksaan kepada orang-orang yang bersabit kesalahannya. Tinggal lagi susah bagi saudara-saudara peguam mencari makan di bawah seksyen ini, tidak timbul oleh kerana dalam masyarakat peguam telah terbukti sebagai golongan masyarakat yang berpendapatan lumayan. Saya tidak percaya dengan seksyen ini peguam akan menjadi kurus-kering dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, torture yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kinta tadi samada Menteri boleh menjamin pihak Polis tidak akan mengenakan kesiksaan terhadap seseorang. Ini tidak timbul juga, oleh kerana hanya yang didatangkan oleh seksyen baru ini ialah bagi seseorang individu itu menurunkan tandatangannya setelah ia membuat satu pernyataan kepada pegawai Polis bahawa inilah cerita yang dapat dikeluarkan-nya atau pendapatnya berhubung dengan satu-satu pengakuan atau satu-satu ucapan yang telah diselidiki oleh pihak Polis.

Satu perkara lagi yang saya suka menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah Bil ini tidak dirundingkan dengan Majlis Peguam, jadi perlulah saya nyatakan Kerajaan tidak dapat sentiasa berunding dengan Majlis Peguam. Walaupun kita akui Majlis ini adalah mewakili sebahagian besar daripada professional di negara kita, tetapi saya berani memperkatakan iaitu dalam masa yang lalu Kerajaan telah bermurah hati dan mempunyai sangkaan yang baik terhadap Majlis dengan memberi peluang yang banyak kepada Majlis Peguam membincangkan mana-mana Akta yang diperlukan. Tetapi oleh kerana Akta ini adalah satu pindaan yang consequential atau yang menurut tidaklah difikirkan bahawa Majlis Peguam akan mengambil satu tindakan yang luar dari dugaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinta menyatakan seksyen ini lebih panjang. Panjang atau pendeknya satu-satu seksyen itu saya kira tidaklah menjadi soal. asalkan tujuan-tujuan dan lunas perundangan dapat terkandung di dalam satu-satu seksyen yang dikemukakan. Pada pendapat saya tidaklah panjang seksyen ini oleh kerana saya kira beliau baru sahaja membaca seksyen ini, maka beliau mendapati agak panjang. Tetapi sebenarnya tidak, kalau dirumuskan maka kehendak seksyen ini hanyalah menyatakan bahawa bila seseorang itu berada dalam proses penyelidikan atau pemeriksaan Polis, maka adalah menjadi hak kepadanya untuk menyatakan pernyataannya kepada Polis dan setelah puas hati bahawasanya inilah pernyataannya, maka ia menandatangani pernyataan itu atau dalam kes yang sebaliknya menurunkan cap ibu jarinya untuk menandakan itulah pernyataan yang sah dari segi undang-undang. Tetapi ada peruntukkan disediakan dalam seksyen ini iaitu: "whenever possible". Jadi, manusia ini mestilah menduga akan timbulnya satu-satu keadaan yang mungkin tidak memberi peluang bagi seorang itu melakkan satu-satu kejadian itu dengan tegas, umpamanya, seseorang itu telah cedera dan anggota tangannya tidak dapat digunakan, maka sebab itulah perkataan atau ungkapan "whenever possible" itu dikemukakan dalam seksyen ini bagi memberi lunas dan peluang mengecualikan kes-kes seperti ini.

Sentuhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi adalah menyeluruh dan setelah saya teliti salah satu daripada perkara yang penting beliau kemukakan ialah freedom atau kebebasan sudah hilang melalui seksyen 113 Akta Kanun Acara Jenayah kita ini. Sebenarnya, beliau telahpun debatkan perkara ini dalam membentangkan Rang Undang-undang yang bersabit kira-kira sembilan bulan yang lalu. Oleh itu, saya tidak ada niat untuk mengulung tentang hal-hal yang dicatitkan semula. Walau bagaimanapun, ada terdapat dalam seksyen 113 ini memberi peluang kepada orang yang dituduh atau orang yang dibawah pemeriksaan untuk menerima satu caution atau satu amaran dari pihak Polis menyatakan bahawa ini adalah peluang kepada individu dan apa-apa yang disebut oleh individu adalah boleh dicatitkan sebagai bukti. Pada pendapat saya ini tidak dapatlah diterima sebagai menghilangkan kebebasan atau freedom kepada seseorang. . .

Tuan Rasiyah Rajasingam: *(Bangun).*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Rasiyah Rajasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya kira.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bercakap fasal apa?

Tuan Rasiyah Rajasingam: Koram dalam Dewan ini tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila duduk kedua-dua. Setiausaha bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan Rais Yatim: Perkara yang terakhir yang suka saya sentuh ialah peluang yang diwujudkan oleh seksyen ini iaitu peruntukan (v) di bawah Seksyen 112 ialah memberikan peluang kepada seorang itu membetulkan sekiranya ada perkara-perkara yang setelah disemak tidak didapati betul. Jadi, ini satu lagi perkara yang membuktikan iaitu peruntukan seksyen ini memberi peluang yang lebih luas sebenarnya kepada seseorang individu bersabit dengan satu-satu kes kesalahan atau

satu-satu pemeriksaan polis yang dijalankan atau sedang dijalankan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PEKERJA-PEKERJA ESTET

6.25 ptg.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun British telah meninggalkan kita sejak 19 tahun yang lampau, tetapi sistem yang mereka perkenalkan dalam bentuk susunan perumahan pekerja-pekerja ladang getah masih tinggal seperti keadaan yang sama atau tiada memperlihatkan sebarang perubahan. 60% pekerja-pekerja estet masih mempunyai susunan rumah-rumah kediaman yang tiada sempurna. Umpamanya, pada masa ini masih terdapat rumah-rumah yang tiada disapu cat, tanpa kawasan yang teratur dan tanpa mempunyai kawasan alam sekitar yang sihat.

Perumahan: Sistem yang merupakan rumah panjang dengan sebuah bilik dan ber-serambi sempit masih terdapat di beberapa buah estet pada masa ini. Sebahagian dari rumah-rumah yang tertentu dapurnya diletakkan di ruang serambi. Saya memohon kepada Kementerian supaya mengeluarkan mandatory order untuk merobohkan rumah-rumah seumpama itu dan pihak pengurusan estet-estet hendaklah sedar bahawa rumah-rumah itu adalah untuk kediaman manusia. Rumah-rumah buruh moden dengan reka-bentuk yang diluluskan hendaklah diperintahkan kepada pengurus estet untuk membinanya.

Tandas Umum: Sistem tandas umum yang masih terdapat di estet-estet sekarang hendaklah dihapuskan sama sekali dan kawasan perumahan moden bagi tiap-tiap individu mestilah diperkenalkan.

Lampu Letrik: Lebihkurang 60% di antara estet-estet yang masih belum mendapat bekalan letrik adalah satu perkara yang mesti diberikan perhatian segera. Ini hendaklah dijadikan satu perkara yang diwajibkan mengikut keperluan undang-undang.

Alam Sekitar: Sistem perparitan dan keadaan alam sekitar sentiasa dalam keadaan yang menyedihkan. Pihak pengurusan estet-estet mestilah dihukum kerana enggan memenuhi keperluan ini.

Keperluan Kesihatan: Kebanyakan estet-estet sentiasa dipenuhi oleh nyamuk dan pencegahan ke atas nyamuk-nyamuk mestilah diminta dari pihak pengurusan menjalankannya dari semasa ke semasa.

Hospital Berkelompok: Kebanyakan hospital berkelompok ini keadaannya lebih dahsyat dari klinik haiwan. Ini mestilah diperiksa dan diperbaiki bersungguh-sungguh. Apa yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah atas taraf dan masalah dalam hospital tersebut. Apabila seorang pesakit dalam ladang getah meminta rawatan tidak dapat dirawat dalam tempoh lebih dari 24 jam. Ini adalah berlaku di kawasan saya sendiri. Ada juga hospital berkelompok tidak memberi ubat-ubat kepada anak-anak pekerja ladang. Kalau sekiranya tidak dapat ubat, bagaimana mereka dapat menjaga kesihatan mereka. Sedangkan anak-anak pekerja Jabatan Kerajaan yang sakit, mereka berpeluang mendapat rawatan perubatan dan memasuki wad hospital Kerajaan, tetapi

peluang ini tidak diberikan kepada pekerja-pekerja di estet. Masaalah ini adalah berlaku di hospital berkelompok. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, silalah siasat perkara ini dengan lebih mendalamnya untuk menukarkan taraf kesihatan pekerja ladang.

Gaji dan Bonos: Ajensi-ajensi estet yang tertentu membayar antara 6 - 8 bulan bonos kepada pengurus-pengurus mereka, tetapi enggan memberikan kemudahan asas kepada pekerja-pekerja biasa. Ini hendaklah sentiasa diawasi dan diperiksa oleh Pegawai-pegawai Buruh. Pegawai-pegawai Buruh dari tiap-tiap daerah mestilah ditukarkan tempat kerja mereka dari satu daerah ke satu daerah yang lain sebelum mereka menjadi terlampau mesra dengan pihak pengurusan estet. Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya kata perlunya pertukaran Pegawai Buruh ke tempat lain, bagi pendapat saya dan juga laporan yang saya terima daripada pekerja-pekerja ladang itu ialah banyak Pegawai-pegawai Buruh lebih rapat kepada pengurus estet apabila mereka berhubung dengan pengurus ladang.

Apabila seorang Pegawai Buruh yang bertugas menjaga kebajikan masyarakat buruh jikalau beliau menjadi kawan baik dengan Pengurus-pengurus Ladang bolehkah beliau menjalankan tugas-tugas beliau dengan cermat? Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita kata dalam satu pantun, apabila seorang menjadi pengawal susu bolehkah beliau menjadi kawan dengan kucing? Kedua-dua ini tidak boleh berlaku sekali, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa saya kemukakan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mana pantunnya?

Tuan S. Samy Vellu: Apa yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, seorang Pegawai Buruh jikalau dia jadi kawan kepada pengurus-pengurus mestilah dia tidak boleh menjalankan tugasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu saya faham. Saya menunggu pantun itu tadi, tidak keluar lagi.

Tuan S. Samy Vellu: Mengapa saya kemukakan pantun itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah sebab ada satu kejadian di Negeri Kedah yang mana seorang pekerja ladang membuat satu laporan atas seorang

Pengurus Ladang, atas taraf pekerjaan di ladang tersebut. Sebelum pekerja itu balik ke rumahnya sendiri, dia menerima notis berhenti kerja. Kita mesti hairan macam manakah . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bercakap lebih daripada masa. Masa Ucapan Penangguhan hanya 7½ minit sahaja.

Tuan S. Samy Vellu: Lagi setengah minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, kerana saya mengganggu tadi bolehlah.

Tuan S. Samy Vellu: Kita mestilah hairan macam manakah pengurus dapat ketcrangan atau lapuran, tetapi Pegawai Buruh seorang yang menjadi informer kepada ladang itu. Ini satu kejadian sahaja, tetapi adalah banyak kejadian dan masaalah-masaalah belum dapat dilaporkan kepada Kementerian.

6.34 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Berhormat dari Sungai Siput . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawab sekali pantun yang tidak siap tadi.

Tuan K. Pathmanaban: Minta maaf, saya tidak tahu berpantun, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput di atas minatnya mengenai masaalah-masaalah pekerja ladang ini. Masaalah-masaalah ini sebenarnya telahpun ada dalam perhatian Kerajaan dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telahpun dibentangkan di Dewan ini. Masaalah-masaalah ini telahpun dikenali dan cara-cara untuk mengatasinya telahpun dicadangkan dalam rancangan itu. Tambahan pula, majikan ladang-ladang ini akan juga digesa menjalankan tanggungjawab mereka mengenai kemudahan-kemudahan seperti perumahan, perubatan dan lain-lain seperti kemudahan air, bekalan letrik dan lain-lain dengan lebih kuat lagi pada masa yang akan datang. Inipun disebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Pegawai-pegawai Buruh di Jabatan Buruh sentiasa membuat lawatan mereka ke estet-estet dan mereka mempunyai kuasa di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966, mengenai standard minima mengenai rumah-rumah pekerja ini. Pada pendapat kita standard-standard yang diletakkan dalam Akta itu adalah mencukupi untuk menjaga kemudahan-kemudahan perumahan, air dan lain-lain. Pada pengetahuan Kementerian, lawatan ini ada membawa hasil yang banyak walaupun ada banyak tempat di ladang-ladang dimana perumahan atau lain-lain kemudahan tidak memuaskan. Ini adalah dalam perhatian Kementerian dan tindakan sedang diambil mengenai ini.

Angka-angka yang kita mempunyai di Kementerian mengenai kemudahan perumahan menunjukkan bahawa kebanyakan daripada perumahan ini adalah unit-unit yang mengikut piawaian, tetapi seperti saya katakan tadi ada unit-unit yang tidak mengikut piawaian dan kurang daripada standard yang kita letakkan dalam Akta Perumahan itu. Tindakan sedang diambil dan sentiasa diambil untuk memperbaiki keadaan ini dan saya harap Yang Berhormat dapat memaklumkan atau lapurkan specific example dimana kemudahan-kemudahan ini kurang baik dan kita bolehlah mengambil tindakan terhadap tempat itu.

Yang Berhormat telah mencadangkan bahawa rumah-rumah pekerja yang tidak sempurna pada masa ini diruntuhkan dan rumah-rumah baru dibina dengan serta-merta. Ini tidak bolehlah dijalankan dengan serta-merta; kita kenalah phasekan penggantian ini satu-satu estet. Saya bolehlah berjanji di sini bahawa Kementerian saya akan sentiasa mengawal keadaan ini dan membuat apa juga yang dikehendaki untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan ini mengikut Akta dan Piawaian yang sedia ada di Kementerian.

Mengenai lampu-lampu elektrik, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembekalan kuasa elektrik bukannya satu keperluan dari segi Undang-undang di bawah Akta Perumahan ini. Walaupun begitu, menurut angka-angka yang ada di Kementerian saya sebanyak 45% tuan punya estet-estet getah, 66% tuan punya estet-estet kelapa sawit dan 87% tuan punya estet-estet kelapa, yang mana telah menyediakan pekerja-pekerja mereka dengan

perumahan percuma, telah juga memilih untuk menyediakan kuasa elektrik kepada mereka sebagai satu tambahan kemudahan. Kementerian saya sentiasa menggalakkan tuan punya ladang-ladang ini untuk meluaskan kemudahan ini mengikut taraf hidup yang moden di luar ladang-ladang ini.

Mengenai rumah sakit kumpulan atau berkelompok, harus saya katakan bahawa Pegawai-pegawai Buruh juga sentiasa memerhatikan keadaan ini dan saya telah dua hari dahulu menjawab satu soalan yang panjang mengenai ini. Boleh juga saya katakan di sini bahawa pegawai-pegawai Kementerian Buruh dengan nasihat daripada Pegawai Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal perkara ini dan saya harap juga di sini Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dapat melapurkan specific example untuk siasatan Kementerian saya.

Berkenaan dengan gaji dan bonos, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bayaran bonos bukan di bawah Undang-undang atau diletakkan di bawah kuasa Undang-undang. Saya ingin mengatakan di sini bahawa ini adalah ditetapkan melalui perjanjian bersama diantara majikan dan pekerja, biasanya melalui Kesatuan-kesatuan Sekerja. Kadar bayaran bonos itu juga adalah tertakluk kepada perundingan diantara pihak-pihak yang berkaitan. Saya rasa ada peluang yang banyak untuk perkara seperti itu dibincangkan diantara majikan dan Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat telah bercakap mengenai pegawai-pegawai Buruh dan beliau telah mencadangkan bahawa pegawai-pegawai ditukarkan dengan lebih awal lagi untuk mengelakkan perhubungan yang tidak diinginkan dengan pihak majikan-majikan. Pada amnya tidaklah betul atau patut bagi pegawai-pegawai dituduh seperti ini mengenai pendirian mereka dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput dapat melapurkan specific example dan nama pegawai yang beliau syakki untuk siasatan Kementerian kita. Tetapi saya boleh janjikan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pertukaran pegawai-pegawai Kementerian sentiasa dijalankan mengikut kehendak atau kepentingan perkhidmatan di sesuatu

kawasan dan mengikut taraf atau grade pegawai-pegawai itu. Sistem ini akan dijalankan juga pada masa-masa yang akan datang. Jika Ahli Yang Berhormat boleh menyebutkan specific example di mana pegawai-pegawai tidak menjalankan kuasa-kuasa Undang-undang dengan tulus ikhlas atau jujur, beliau bolehlah melapurkan kepada kita untuk siasatan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 19hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.